

Jilid II
Bil. 24



Hari Isnin
19hb Julai, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2577]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2616]

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 [Ruangan 2617]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 2678]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K., S.P.M.J. (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

” Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

” Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

” Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

” Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

” Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

” Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,
J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- Yang Berhormat DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- " TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- " TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- " DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- " TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- " TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- " TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- " TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- " DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- " TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- " TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- " TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Silam).
- " TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

- " DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- " RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- " TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- " TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- " TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- " TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- " TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- " TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- " DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- " TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- " TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- " WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- " TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- " DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- " TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri Subis).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- " TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- " WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 19hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

DADAH DISEBABKAN KURANG DIDIKAN UGAMA

1. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar ataupun tidak, di atas kelalaian anak-anak muda kita pada masa sekarang; dengan dadah dan sebagainya, disebabkan kurangnya didikan Ugama. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan untuk membanyakkan ajaran Ugama kepada belia-belia kita hari ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kelalaian anak-anak muda pada masa sekarang ini dengan dadah dan sebagainya adalah disebabkan kurangnya didikan ugama dan beberapa faktor yang lain. Saya setuju bahawa didikan ugama merupakan faktor yang penting untuk memelihara anak-anak muda kita daripada keruntuhan akhlak.

Dengan menyedari hakikat ini, Jabatan Perdana Menteri melalui kegiatan-kegiatan Institusi Dakwah dan Latihan Islam telah menambahkan kegiatan dakwah kepada belia-belia, pelajar-pelajar, guru-guru, pegawai-pegawai Kerajaan dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat Islam di negara ini. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah merancang kegiatan-kegiatan ugama bagi faedah ahli-ahli Kesatuan.

Kursus-kursus Dakwah, pertandingan membaca Quran, pertandingan nasyid dan sebagainya adalah ditujukan untuk mendidik semangat keagamaan kepada belia-belia. Di dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian-kementerian rancangan ugama adalah dimasukkan sebagai acara kursus. Dengan cara yang demikian belia-belia yang menjalani latihan di Pusat-pusat Latihan adalah diberi asuhan ugama di Bilik Kerja dan juga secara praktikal.

Sebagai langkah yang lebih positif untuk mengukuhkan keimanan umat Islam, Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah menguatkan lagi dakwah Ugama Islam di sekolah-sekolah dan maktab-maktab. Di antara langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

- (i) Membentuk sebuah Majlis Penasihat bagi Hal Ehwal Pelajaran Ugama Islam untuk menasihati Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam soal yang berhubung dengan pelajaran dan didikan Islam di sekolah-sekolah.
- (ii) Membentuk sebuah Jawatankuasa Bimbingan Ugama di Yayasan Pelajaran Tinggi untuk mengkaji dan memberi cadangan yang membina. Kedua-dua Jawatankuasa ini sedang menyiapkan laporan masing-masing.
- (iii) Sedang menguatkan jentera pentadbiran Bahagian Ugama di Kementerian Pelajaran dengan menambah pegawai-pegawainya. Seorang Pengarah Bahagian ini baru dilantik pada awal Disember, 1975 yang lalu.
- (iv) Pentadbiran Pelajaran Ugama di peringkat sekolah-sekolah rendah dalam proses pengambilalihan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Apabila selesai urusan pengambilalihan itu bolehlah Kementerian Pelajaran melatih Guru-guru Ugama peringkat ini dan meninggalkan mutu pengajaran mereka.

Walaupun Kerajaan bertanggungjawab di dalam memberi pendidikan agama, namun demikian saya menyeru kepada pemimpin-pemimpin masyarakat dan anggota-anggota masyarakat Islam khususnya, supaya tampil kehadapan memberikan kerjasama dengan Kerajaan dalam memberi bimbingan agama kepada belia-belua kita. Tidakkah mencukupi bagi Kerajaan sahaja untuk merancang dan menyediakan rancangan-rancangan jika pemimpin-pemimpin masyarakat tidak sama-sama menunjukkan minat dan memberikan bantuan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap orang Islam untuk meningkatkan kesedaran beragama dan keimanan di kalangan masyarakat Islam di Negara ini.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ada setengah-setengah pihak yang menjalankan dakwah memesonkan fikiran dan kepercayaan setengah daripada umat Islam kita yang berlaku di Malaysia ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini tidak timbul dalam perkara ini, tetapi saya bersedia untuk memberikan jawapan dengan soalan yang lain yang khusus mengenai dalam dakwah.

Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi penjelasan yang begitu lebar mengenai usaha-usaha Kerajaan terhadap belia-belua Islam. Apakah usaha-usaha kalau ada yang dibuat oleh Kerajaan yang serupa itu juga mengenai belia-belua yang bukan Islam yang begitu ramai juga dalam negeri kita ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut ajaran Islam sesuatu itu hendaklah bermula dari masyarakatnya sendiri. Sebelum orang-orang yang belum beragama Islam dapat mengikuti ajaran Islam, maka umat Islam haruslah membetulkan dirinya lebih dahulu dan kemudian dapat diikuti oleh orang lain. Pada peringkat ini Kerajaan bercadang seperti mana jawapan saya tadi menyediakan pemuda-pemuda yang lebih berakhlak dan mempunyai prinsip hidup mengikut Islam dan kalau sekiranya ini sudah menjadi darah daging kepada belia-belua Islam, saya tidak syak lagi orang-orang yang bukan

Islam akan dapat mengikuti ini, kerana kesedaran mereka bahawa Islam dan ajarannya lebih mementingkan keharmonian dan keperibadian.

Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman bin Ya'kub: Adakah ini akan mengambil waktu?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Waktu tidak mempunyai masalah di dalam perjuangan menjadikan umat Islam menjadi Umat Islam yang benar. Mungkin waktu memakan masa yang pendek dan mungkin juga memakan masa yang panjang. Ini diserahkan kepada kesedaran sejauh manakah kesedaran ini timbul di kalangan umat Islam. Kalau kesedaran ini lambat, lambatlah proses ini. Kalau kesedaran ini cepat, cepatlah proses ini. Nabi Muhammad s.a.w. sendiri berjuang selama 23 tahun dalam membentuk masyarakatnya.

Tuan Abdul Jalil bin Haji Abdul Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa selain daripada apa yang telah disebutkan tadi punca-punca kelalaian anak-anak kita, saya berpendapat mungkin disebabkan kelalaian dan kurang pengawasan ibubapa terhadap anak-anak dan ini Yang Berhormat tadi belum menyebutkan. Apakah tindakan terhadap ibubapa yang kurang penjagaan terhadap anak-anak mereka.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sangkutkan kerana masalah ibubapa, maka tidak ada sesuatu aturanpun yang boleh kita buat untuk mengawal ibubapa ini, selain daripada ibubapa itu sendiri. Sebab itulah di dalam hadith Nabi menyebutkan anak yang dilahirkan itu bersih, hanya ibubapanya yang menyebabkan anak itu jadi Nasrani, Yahudi, Majusi dan sebagainya. Maka tanggungjawab sebagai seorang ibubapa bukan hanya melahirkan anggota masyarakat, tetapi tanggungannya ialah melahirkan anak menjadi anggota masyarakat yang berguna mengikut ajaran dan peraturan agama yang dianuti.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ini luas sangat. Kalau kita hendak persoalan-jawabkan sampai esok tak habis. Elok kalau kita berseminar khas untuk perkara ini. (Ketawa) Jadi, saya jemput Yang Berhormat Tuan Mohd. Bakri.

BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH

2. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa selagi bahasa lain daripada Bahasa Malaysia digunakan dalam semua peringkat Mahkamah, dalam perkara Kehakiman dan Perundangan, aspirasi kita untuk mewujudkan keperibadian nasional tidak akan tercapai, jika sedar, bolehkah Kerajaan mengamalkan dasar yang tetap dan berani untuk mencapai aspirasi ini dan berikan tarikh bila Bahasa Malaysia kita akan digunakan dengan sepenuhnya dalam Mahkamah.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar akan betapa pentingnya Bahasa Malaysia digunakan dalam semua peringkat mahkamah dan perundangan bagi mewujudkan keperibadian nasional. Dengan menyedari hakikat ini maka Jabatan Kehakiman semenjak tahun 1970 telah mengeluarkan arahan kepada semua Yang di-Pertua Mahkamah Tengah dan Mejjisteret Mahkamah Rendah supaya mereka menggunakan Bahasa Malaysia di dalam tiap-tiap perbicaraan mahkamah masing-masing setakat mana yang dapat dijalankan tanpa mengganggu perjalanan perbicaraan itu. Arahan ini telah dipatuhi oleh semua Yang di-Pertua, dan Mejjisteret. Ahli Yang Berhormat harus menyedari bahawa dalam mengendalikan sesuatu perbicaraan dalam mahkamah perkara yang perlu diutamakan ialah perbicaraan itu dijalankan dengan berpanduan kepada rukun-rukun keadilan. Sesuatu perbicaraan yang dijalankan tanpa menepati rukun-rukun keadilan akan dianggap tidak sah atau tidak adil.

Menurut undang-undang seseorang yang dihadapkan untuk perbicaraan, seorang saksi yang memberi keterangan dan seorang peguam yang mengambil bahagian dalam perbicaraan itu adalah berhak bercakap dalam bahasa yang ia boleh faham dengan sepenuhnya. Bagi maksud ini Mahkamah perlu menyediakan jurubahasa menterjemah bahasa-bahasa yang difahami oleh mereka yang terlibat. Tidaklah menjadi kesukaran untuk menterjemahkan bahasa-bahasa yang digunakan oleh orang-orang yang dituduh atau saksi-saksi ke dalam Bahasa Malaysia, kerana apa yang diperkatakan oleh mereka itu adalah dalam bentuk narrative, dan

mudah diterjemahkan dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain. Yang menjadi kesukaran, Tuan Yang di-Pertua, ialah bagi menterjemahkan bahasa perundangan (legal language) yang digunakan oleh seseorang yang lazimnya mempelajari ilmu undang-undang dalam bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia. Apabila sesuatu terjemahan dari bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia tidak menepati maksudnya maka perbicaraan itu dianggap tidak adil dan tidak sah. Kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih maklum iaitu kita baru memulakan satu kuliah undang-undang di Universiti Malaya yang mana baru tahun ini 48 orang, kalau tak silap saya, yang baru lulus undang-undang dari negeri kita, bagi kali pertamanya, dan pengajaran perantarannya pun boleh dikatakan tiga suku digunakan dalam bahasa Inggeris. Dipandang dari segi itulah, kita berkehendakkan masa lagi hendak menjalankan semua perbicaraan dalam Bahasa Malaysia. Selain daripada itu, bahasa undang-undang dan segala punca undang-undang (resources of law) dan asal-usulnya bertulis dalam bahasa Inggeris, maka adalah sukar untuk digantikan semuanya ke dalam Bahasa Malaysia dalam masa yang singkat. Oleh kerana itu, terpaksa bahasa Inggeris masih digunakan lagi. Walau bagaimanapun, Bahasa Malaysia tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya sehingga pihak-pihak yang berkenaan betul-betul mahir dalam Bahasa Malaysia. Penggunaannya adalah diperluaskan dari sehari ke sehari. Saya percaya pada satu masa nanti matlamat untuk menggunakan sepenuhnya Bahasa itu akan tercapai juga.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Undang-undang ada menyatakan bahawa ada arahan diberi kepada Yang di-Pertua Mahkamah-mahkamah Tengah dan Mejjisteret Mahkamah rendah supaya Bahasa Kebangsaan digunakan di mahkamah-mahkamah tersebut, tetapi lazimnya peguam-peguam meminta izin mahkamah untuk berbicara dalam bahasa Inggeris dan boleh dikatakan tiap-tiap kali permohonan diminta, maka Pengadil-pengadil tak pernah menolak permohonan. Dengan hal yang demikian, apa yang telah berlaku pada hari ini ialah di mahkamah-mahkamah rendah dan tengah bahasa Inggeris digunakan

dengan cara meminta izin dengan pengadil-pengadil. Adakah Yang Berhormat Menteri Undang-undang sedar tentang hal ini yang mana arahan tadi tinggal di atas ke kertas sahaja, tetapi prektiknya mahkamah-mahkamah rendah dan tengah menggunakan Bahasa Inggeris yang boleh dikatakan keseluruhannya perbicaraan.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusuf: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara itu berlaku kerana kita tidak ada Menteri Keadilan dan saya pun jarang-jarang pergi ke mahkamah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi kenyataan yang sebenar tadi dan saya akan membawa penerangan itu kepada Hakim Besar Malaysia dan Ketua Hakim Negara apa yang telah berlaku yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu supaya tindakan diambil, yang lebih menepati supaya Presiden Mahkamah Tengah dan Mejiسترet Mahkamah Rendah tidak dengan sewenang-wenangnya sahaja mengambil jalan senang membenarkan mereka itu menggunakan bahasa Inggeris, pada hal boleh dikatakan orang Melayu sendiri yang menjadi peguam dan juga saksi dalam perbicaraan itu supaya dicuba mereka itu menggunakan bahasa Malaysia.

PEGAWAI KERAJAAN MENGIKUTI KURSUS DI UNIVERSITI

3. Raja Nasron bin Raja Isahak minta Perdana Menteri menjelaskan mengapa ada pegawai-pegawai Kerajaan diminta meletakkan jawatan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kerana melanjutkan pengajian mereka di universiti-universiti bertentangan dengan surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27 Tahun 1975.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa tindakan Kerajaan meminta pegawai-pegawai Kerajaan meletakkan jawatan sebelum mengikuti kursus sebagai bertentangan dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27 Tahun 1975.

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27 Tahun 1975 telah dikeluarkan khas untuk mengiktiraf perkhidmatan Kerajaan yang lalu bagi bekas-bekas pegawai Kerajaan yang telah meletakkan jawatan kerana mengikuti pengajian tinggi dan selepas mendapat

kelayakan tinggi, memasuki semula perkhidmatan Kerajaan melalui pemilihan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pengiktirafan itu adalah semata-mata bagi tujuan perkiraan pencen sahaja.

Perkara yang telah menimbulkan masalah kepada Kerajaan ialah apabila pegawai-pegawai memohon untuk mendapatkan cuti bagi melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti, dan oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, Kerajaan tidak dapat menimbangkan permohonan mereka itu atau membenarkan kebanyakan daripada mereka ini meninggalkan perkhidmatan mereka untuk berkursus. Dengan ini banyak daripada mereka telahpun meletakkan jawatan, sebagai satu jalan untuk mencapai cita-cita mereka dan ini adalah keputusan individu-individu itu sendiri.

Raja Nasron bin Raja Isahak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa beliau tidak sedar perkara yang dimaksudkan oleh soalan tadi. Tetapi adakah beliau sedar satu jawapan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, rujukan No: JPA (L) P. 37329/57 bertarikh 4hb Januari, 1976, menggambarkan salah satu daripada kejadian yang dinyatakan di mana pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sesudah dirayu oleh pegawai-pegawai yang berkhidmat baharu memberi persetujuan sebagaimana Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27/75. Dan ada lagi beberapa perkara seumpama ini, jika sedar bolehkah Menteri itu menyasat perkara yang disebutkan tadi.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh diasas, tetapi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27/75 adalah beberapa syarat-syarat yang tertentu sebelum seorang pegawai boleh mendapat cuti untuk belajar di mana-mana tempat yang sesuai.

USAHAWAN BUMIPUTRA

4. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kebanyakan usahawan-usahawan Bumiputra yang berdaftar dan berdikari sekarang telah gagal untuk mendapatkan projek-projek yang di-khaskan untuk kaum Bumiputra tetapi

mereka secara individu berjaya mendapatkannya, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang akan Kerajaan ambil atas perkara ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum dan samar maksudnya untuk diberi satu jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, sukalah saya menegaskan di sini bahawa sememangnya menjadi dasar Kerajaan untuk memberi peluang yang lebih kepada bumiputra untuk menyertai bidang-bidang perdagangan, perindustrian, kerja-kerja kontrak dan lain-lain kegiatan ekonomi, baik secara individu atau bersyarikat, selaras dengan semangat dan matalamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Jamil bin Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk memberikan galakan dan dorongan kepada usahawan-usahawan Bumiputra di dalam mendapatkan projek-projek seperti pemborong dan sebagainya, adakah Kerajaan bersedia untuk memberikan peruntukan atau mengadakan satu peruntukan rate of schedule kepada kerja-kerja projek supaya Bumiputra dapat dengan mudah mendapatkan projek-projek ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang sudah ada kemudahan-kemudahan dan intensif untuk bumiputra yang diberi oleh Kerajaan seperti kontraktor-kontraktor bumiputra boleh dapat 30% daripada nilai kerja-kerja yang dijalankan sendiri oleh Jabatan Kerja Raya dan lain-lain Jabatan Persekutuan dan Negeri hendak dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor bumiputra untuk di antara mereka sahaja. Ada juga lain-lain kemudahan tetapi barangkali elok jikalau Yang Berhormat hendak tahu butir-butir lanjutnya, saya akan berikan Ahli Yang Berhormat itu.

HARGA GETAH DAN KELAPA SAWIT

5. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sebab FELDA tidak dapat menetapkan harga-harga yang lebih baik bagi getah dan kelapa sawit di dalam rancangan tanah FELDA walaupun harga-harga yang ditawarkan oleh pembeli-pembeli di luar adalah lebih tinggi dan berapa

banyakkah pendapatan purata seseorang peneroka sekarang. Adakah Kerajaan berpendapat bahawa pendapatan peneroka-peneroka adalah mencukupi untuk menampung keperluan-keperluan asas harian mereka.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada prinsip bekalan dan permintaan, harga-harga bahan mentah seperti getah dan juga minyak sawit di Malaysia adalah sentiasa turun naik dan tersangat sensitif kepada keadaan pasaran antarabangsa. FELDA sendiri tidak berupaya untuk menyekat turun naiknya harga-harga pasaran bahan-bahan tersebut dan menetapkan harga-harga yang sentiasa baik. Apa yang dapat dilaksanakan oleh FELDA ialah hanya cuba mengurangkan kesan turun naiknya harga-harga bahan tersebut setiap hari kepada harga-harga purata bulanan.

Bagi rancangan-rancangan getah, FELDA hanya dapat mengadakan kilang memproses bagi rancangan-rancangan yang berdekatan antara satu sama lain. Bagi rancangan-rancangan yang terpencil, adalah didapati lebih menasabah supaya penghasilan dijualkan kepada kilang-kilang getah yang berhampiran iaitu kilang-kilang getah swasta dan MARDEC. FELDA telah berjaya mendapatkan asas harga yang baik bagi getah-getah tersebut iaitu RSS 1 bagi getah susu (latex) dan RSS 3 bagi getah sekerap (lower grades). Hanya yang berbeza dan yang tidak dapat dikawal oleh FELDA ialah kadar diskaun, iaitu belanja memproses yang dikenakan oleh kilang-kilang. Pada masa ini kadar diskaun yang dikenakan adalah di dalam lingkungan 5 hingga 10 sen sepaun (kering) bagi getah susu dan di antara 8 hingga 13 sen (kering) bagi getah sekerap, bergantung kepada jauh atau dekatnya kilang-kilang pembeli dengan rancangan-rancangan getah berkenaan. Walau bagaimanapun, untuk kebaikan semua rancangan-rancangan yang terlibat, potongan diskaun kepada peneroka-peneroka adalah dipuratakan, iaitu di dalam lingkungan 8 sen sepaun bagi getah susu dan 10 sen bagi getah sekerap. Harga yang diperolehi oleh peneroka-peneroka tidaklah boleh dikatakan kurang menarik dan berat getah kering yang dijual pula adalah terjamin.

Bagi buah kelapa sawit pula, harga yang dibayar kepada peneroka-peneroka adalah bergantung kepada harga minyak dan isi sawit yang diperolehi itu dijual. Turun atau naiknya harga minyak dan isi sawit akan juga mengakibatkan turun atau naiknya harga buah sawit.

Daripada maklumat-maklumat yang didapati, harga jualan FELDA adalah setanding dengan harga-harga yang diperolehi oleh pengeluar-pengeluar lain. Di mana kilang-kilang FELDA belum siap, FELDA juga menjual buah sawit kepada kilang-kilang swasta dan harga yang diperolehi daripada mereka itu tiadalah lebih daripada harga yang biasa dibayar oleh kilang-kilang FELDA.

Ada juga dilaporkan dalam akhbar, harga yang ditawarkan oleh pembeli haram lebih tinggi daripada harga yang ditawarkan

oleh kilang FELDA. Ini mungkin berlaku oleh sebab:

- (i) buah-buah sawit dijual mengikut anggaran dan tidak ditimbang;
- (ii) bayaran dibuat tidak mengikut jaminan yang tertentu,
- (iii) kemungkinan adanya sabotaj.

Penjualan getah dan buah sawit secara haram pernah berlaku dari satu masa ke satu masa terutamanya apabila harga pasaran getah dan minyak sawit merosot. Adalah dipercayai jualan haram itu dibuat bukan oleh sebab harga yang dibayar oleh FELDA itu tidak berpatutan, tetapi mungkin dengan tujuan untuk mengelakkan bayaran hutang FELDA oleh peneroka-peneroka yang terlibat itu. Di samping itu adalah dipercayai juga kemungkinan adanya niat buruk dari sindiket-sindiket haram untuk mengsabotaj projek-projek FELDA.

Pendapatan purata bulanan seseorang peneroka di rancangan-rancangan FELDA yang telah mengeluarkan hasil dalam tahun 1975 adalah seperti berikut:

Rancangan Sawit			Rancangan Getah		
Kasar		Bersih	Kasar		Bersih
\$566.28	...	\$421.59	...	\$270.45	\$209.16

Bagi bulan Januari 1976 hingga April 1976 pendapatan purata ialah:

Bulan	Rancangan Sawit			Rancangan Getah		
		Kasar	Bersih	Kasar		Bersih
Januari	...	\$368.54	\$233.73	...	\$471.07	\$400.61
Februari	...	308.54	189.76	...	344.44	277.76
Mac	...	407.32	254.94	...	213.20	161.80
April	...	474.98	334.49	...	266.12	205.09

Pendapatan bersih ialah pendapatan yang diterima oleh peneroka setelah ditolak bayaran lemak tanah (premium tanah), cukai tanah, bayaran ukur, bayaran kembali pinjaman pembangunan dan bayaran tanam semula bagi rancangan sawit. Pendapatan tunai di atas tidaklah termasuk pendapatan yang diperolehi oleh peneroka-peneroka melalui usaha-usaha pertanian dan lain-lain lagi yang dijalankan oleh mereka secara persendirian.

Pendapatan bersih ini ialah pendapatan sebelum dipotong hutang bulanan bagi barang-barang keperluan harian yang diambil secara berhutang dari Perbadanan kedai-kedai FELDA.

Pendapatan bagi satu-satu rancangan adalah berbeza mengikut luas ekar dan tahun pengeluaran hasil. Samada pendapatan peneroka-peneroka di rancangan adalah mencukupi untuk menampung keperluan asas harian mereka tidaklah mudah untuk kita menentukannya, ini bergantunglah sendiri kepada keadaan peneroka yang berkenaan.

Dr Tan Chee Khoo: Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan jelaskan bahawa FELDA akan mengambil segala tindakan supaya melebihi harga yang ditawarkan oleh FELDA kepada peneroka-peneroka yang tidak boleh menjual hasil-

hasilnya kepada pihak swasta dengan harga yang tinggi agar mereka tidak ada hasrat untuk menjualnya kepada pihak swasta.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah

terangkan tadi harga yang dibayar oleh FELDA tidak berbeza daripada harga yang dibayar oleh pihak swasta, kecuali ada tiga sebab yang saya sebutkan tadi.

Tertariknya setengah-setengah peneroka menjual kepada pihak swasta ialah kerana mereka dapat mengelakkan diri dari membayar atau dipotong hutang oleh FELDA.

Selain daripada itu, ada sindiket-sindiket haram yang sengaja cuba membeli dengan harga yang lebih mahal sedangkan buah-buahnya yang dibeli itu tidak ditimbang sama sekali. Bayarannya pula secara beransur, kadang-kadang tidak tepat dan kadang-kadang tidak sampai ke tangan peneroka-peneroka itu sendiri, dan mungkin harganya yang ditawarkan itu lebih sedikit, dengan tujuan untuk merosakkan rancangan FELDA pada hal mereka sedar harga tawaran itu adalah tinggi daripada harga pasaran yang diakui dalam Malaysia ini. Dengan demikian, dapatlah diyakinkan bahawa harga yang dibayar oleh FELDA ialah harga yang benar mengikut purata bulanan.

Tuan Embong bin Haji Yahya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan ada sindiket haram yang cuba hendak merosakkan harga kelapa sawit atau getah di FELDA. Bolehkah nyatakan golongan yang terlibat dalam sindiket haram itu?

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, golongan yang terlibat yang pertama ialah golongan sindiket haram itulah.

Keduanya, mungkin terlibat juga beberapa kerat daripada peneroka itu sendiri, sebab jika tidak ada orang dari dalam tentu tidak akan berlaku jualan secara haram, kecuali pencurian buah-buah kelapa sawit oleh sindiket-sindiket itu sendiri, inipun ada juga berlaku kadangkala.

Selain daripada itu, tidaklah dinafikan juga bahawa ada kemungkinan campurtangan dari dalam secara langsung hal ini memang sedang disiasat oleh pihak FELDA sendiri. Setakat hari ini baru satu orang daripada kakitangan FELDA yang didapati ada kemungkinan terlibat dan terkait, dan tindakan undang-undang sedang dijalankan.

KAWALAN PENCEMARAN AIR

6. Tuan Hashim bin Ghazali meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar banyak sungai di negara ini telah menjadi kotor dan busuk disebabkan oleh air dari kilang-kilang yang berhampiran; jika sedar:

- (i) berapa banyak sungai yang terlibat seperti itu;
- (ii) apakah langkah beliau supaya air sungai-sungai tersebut bersih semula seperti sediakala.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai perhatian Ahli Yang Berhormat mengenai keadaan sungai-sungai di negara kita yang semakin bertambah buruk. Perkara ini telah dianggap sebagai "issue" yang penting kepada program kawalan pencemaran air yang sedang dirancang oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya.

Oleh kerana program tersebut masih lagi di peringkat perancangan tidak kena pada masa ini bagi saya menghuraikan jumlah yang tepat mengenai sungai-sungai yang mengalami masalah pencemaran. Malahan, program yang tersebut itu adalah bertujuan untuk menetapkan dengan lebih jelas sungai-sungai di negara ini yang mengalami keadaan pencemaran yang serius supaya satu senarai keutamaan dapat disusun supaya langkah-langkah kawalan yang selaras dapat diaturkan. Untuk tujuan ini, adalah didapati mustahak untuk menentukan kawasan-kawasan kawalan dari segi kualiti air, di dalam mana sehingga ini 49 buah kawasan lembah sungai telah diasingkan di Semenanjung Malaysia.

Walau bagaimanapun berdasarkan kepada penilaian awal ke atas data-data kualiti air yang diperolehi dari Jabatan Parit dan Tali-air dan juga dari kajian-kajian yang dijalankan oleh beberapa Jabatan lain, termasuk Kementerian Kesihatan dan Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya, adalah diketahui secara am bahawa sekurang-kurangnya 11 lembah sungai pada masa ini menghadapi masalah-masalah pencemaran air yang serius. Daripada lembah-lembah sungai ini lebih kurang 6 sungai telah mengalami pencemaran yang sangat teruk, dan kira-kira 8 buah sungai lagi mengalami

masaalah pencemaran yang teruk dan lebih kurang 12-15 sungai-sungai lain boleh dikatakan telah menghadapi masaalah-masaalah pencemaran air.

Bahagian Alam Selitar telah mengenalkan punca-punca utama pencemaran yang termasuk perusahaan "agro-based", proses makanan dan perusahaan mengetin, perusahaan-perusahaan logam dan sebagainya serta juga kawasan-kawasan perusahaan pada keseluruhannya yang timbul akibat tumpuan kegiatan-kegiatan perusahaan pada suatu tempat.

Penyelesaian sebenar kepada masalah ini adalah memerlukan satu rancangan dan program pengawasan yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Langkah kawalan yang utama melibatkan penetapan standad-standad pelepasan dan lain-lain peraturan kawalan terhadap pelepasan pencemaran. Dalam hal ini, Jawatankuasa-jawatankuasa Pakar berkenaan dengan standad pelepasan kekotoran untuk perusahaan kelapa sawit dan getah telah hampir siap menyediakan perakuan mereka. Peraturan-peraturan ini akan dikuatkuasakan pada awal tahun depan. Begitu juga, Jawatankuasa-jawatankuasa Pakar untuk menetapkan aturan-aturan kawalan pelepasan kekotoran untuk punca-punca pencemaran yang lain telah dirancang untuk lewat tahun ini.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa selain daripada pencemaran air di sungai-sungai kerap berlaku pencemaran air di kolam-kolam perigi dan sebagainya yang dialami oleh penduduk-penduduk di luar bandar, biasanya berlaku selepas kemarau panjang, menyebabkan air itu masam bukan sahaja tak boleh diminum, bahkan tak boleh digunakan untuk mandi dan membasuh. Sekiranya sedar, apakah tindakan untuk mengatasi perkara ini?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat telah diambil perhatian oleh Kementerian saya.

KESALAHAN ROGOL

7. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Undang-undang menyatakan samada undang-undang akan digubal untuk menjatuhkan hukuman kasi (kembiri) atau mati ke atas perogol-perogol; jika tidak, mengapa.

Tan Sri Datuk Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, hukuman atas kesalahan merogol sekarang ialah boleh dihukum penjara hingga 20 tahun dan boleh juga didenda atau dihukum sebat. Kerajaan masa ini belum lagi bercadang hendak meminda hukuman tersebut dengan hukuman mati atau dikasi kerana difikirkan hukuman yang ada sekarang adalah mencukupi, dan belum ada lagi desakan dari Ahli-ahli Yang Berhormat atau orang-orang awam supaya hukuman yang Ahli-ahli Yang Berhormat cadang itu digubal bagi menggantikan hukuman yang ada sekarang.

Saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat iaitu pada biasanya yang dikasi (kembiri) ialah binatang ternak atau binatang belaan. Sekiranya perogol itu sudah beristeri maka mereka itu dikasi pula adalah juga menganiaya isterinya pula kelak. Dan lagi sekiranya seorang lelaki itu dikasi boleh jadi selepas itu orang itu akan membuat maksiat seperti yang lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Entah di bawah bintang mana jatuhnya Persidangan kita kali ini. Inilah kali yang ketiga masalah ini dibawa ke dalam Dewan ini.

SARIKATA (SUBTITLES) BAHASA MALAYSIA DALAM FILEM-FILEM

8. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar penggunaan wajib sari-kata Bahasa Malaysia dalam filem-filem asing mulai 31hb Ogos tahun ini telah ditentukan oleh parti-parti politik di tanahair, jika ya, dapatkah Menteri menyebutkan mana-mana parti politik yang menentang itu dan apakah sikap Kerajaan dalam masalah ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya dasar penggunaan sarikata Bahasa Malaysia yang akan diwajibkan dalam semua filem-filem termasuk filem-filem iklan yang bukan dalam

Bahasa Malaysia pada 31hb Ogos, tahun ini telah mendapat sambutan yang baik dari semua golongan masyarakat. Pihak Kerajaan tidak akan undur dari tarikh itu, lebih-lebih lagi rungutan-rungutan itu semata-mata lahir dalam akhbar-akhbar sahaja.

Raja Nasron bin Raja Ishak: soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa menurut berita-berita akhbar tempatan pihak M.C.A. ada membawa tentangan atas perkara ini ke mahkamah. Jika sedar, apakah tindakan Kementeriannya untuk menghadapi perkara ini?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, secara rasmi tidak ada, tetapi dalam suratkhbar ada diberitakan—The Guardians. Dikatakan hendak membawa perkara itu ke mahkamah dan ini terpulanglah kepadanya.

FARDHU HAJI

9. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa sambutan daripada umat Islam untuk menunaikan fardhu Haji pada tahun ini adalah sangat berkurangan kalau dibandingkan dengan tahun-tahun sudah kerana perbelanjaan tahun ini dengan tahun-tahun sudah jauh berbedza. Kalau ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kesulitan ini; dan
- (b) berapa banyakkah badan-badan dakwah Islam yang wujud di negara kita pada hari ini. Adakah semuanya itu diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Majlis-majlis Ugama Islam Negeri-negeri.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan yang hampir sama telahpun dijawab pada 5hb Julai, 1976 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ledang dan soalan Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat pada 13hb Julai, 1976. Oleh yang demikian, saya cuma ingin menjawab untuk bahagian (b) sahaja.

- (b) Di dalam negara kita sekarang ini terdapat beberapa buah badan yang didaftarkan sebagai badan dakwah seperti Jamiah Dakwah Islamiah di beberapa buah negeri, USIA di Sabah, BINA di Sarawak, termasuk juga Yayasan Islamiah Malaysia yang merupakan sebuah badan pemegang amanah yang berdaftar. Selain daripada itu terdapat juga lain-lain pertubuhan kebajikan, tetapi menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah seperti yang dibenarkan oleh Perlembagaannya. Pertubuhan-pertubuhan itu adalah seperti Angkatan Belia Islam (ABIM), Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, Persatuan Ulama Malaysia, Persatuan Mahasiswa Timur Tengah, Al-Rahmaniah dan lain-lain pertubuhan.

Soal samada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia mengiktiraf pertubuhan-pertubuhan seumpama itu tidaklah timbul kerana perkara itu adalah di luar bidang tugasnya. Pertubuhan-pertubuhan itu adalah ditubuhkan dengan kelulusan Pendaftar Pertubuhan. Walau bagaimanapun selagi kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pertubuhan itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan pertubuhan itu, maka adalah menjadi hak pertubuhan-pertubuhan itu menjalankan kegiatan-kegiatan dakwahnya. Usaha-usaha ini adalah baik dan dapat menolong Kerajaan dalam usaha menyampaikan ajaran Islam ke seluruh negara.

Walaupun demikian, oleh kerana terdapat banyak badan-badan dakwah dan orang perseorangan yang menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah di negara ini, maka Kerajaan sentiasa mengikuti dan mengekori kegiatan-kegiatan mereka agar tidak berlawanan dengan ajaran Islam yang sebenarnya dan menyalahgunakan kesucian ajaran itu untuk kepentingan seseorang atau golongan yang akan menimbulkan keretakan dalam masyarakat Islam dan menganggap Islam sebagai ugama untuk mati semata-mata serta membenci kehidupan yang sempurna di dunia ini. Kegiatan-kegiatan dakwah yang seperti ini adalah bertentangan dengan konsep Islam dan ajaran Nabi Muhammad s.a.w.

Untuk mengawasi kegiatan-kegiatan yang salah ini maka kerjasama dari pemimpin-pemimpin Islam dan masyarakat Islam adalah sangat-sangat dikehendaki oleh Kerajaan.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ada satu badan dakwah dari luar negeri yang menjalankan dakwah di Malaysia ini pada orang-orang Islam bukan hendak mengembangkan syiar Islam tetapi meracuni fikiran-fikiran pendengar-pendengarnya. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa perkara itu berlaku di Malaysia sekarang dan belum ada tindakan Kerajaan terhadap mereka itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Ada golongan-golongan yang seperti ini berlaku menggunakan Islam sebagai dakwah yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi, tetapi bukti-bukti yang jelas tentang penyelewengan ini belum dapat dipastikan adanya. Kalau Ahli Yang Berhormat itu mendapat data-data, keterangan-keterangan di mana membolehkan kami bertindak, saya suka Ahli Yang Berhormat itu memberi kerjasama dalam bidang ini.

ORDINAN PAMPASAN PEKERJA

10. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa mengikut Ordinan Pampasan Pekerja, Pegawai-pekerja Kerajaan selain daripada anggota Polis dan Angkatan Tentera, yang menerima gaji kurang daripada \$400 sebulan yang meninggal dalam masa bertugas, waris-warisnya tidak berhak menerima pencen bulanan tetapi hanya mendapat pampasan sahaja, tetapi sebaliknya pegawai yang sedemikian yang meninggal di luar masa bertugas, waris-warisnya berhak mendapat pencen bulanan. (kes ini berlaku kepada Allahyarham Encik Abdul Aziz dari Jabatan Laut, rojokan JPA/PEN/7551/19); dan

(b) samada Kerajaan bercadang meminda fasal yang berkenaan dalam Ordinan itu untuk mengelakkan diskriminasi seperti ini ke atas pegawai-pegawai Kerajaan.

Tan Sri Chong Hon Nym: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Ordinan Pampasan Orangkerja 1952 mempunyai peruntukan bagi Kerajaan, sebagai Majikan, membayar kepada orang-orang tanggungan pekerja Kerajaan yang tertakluk di bawah istilah "orang kerja" di dalam Ordinan berkenaan itu yang meninggal dunia kerana perkhidmatan, pampasan yang berupa bayaran sekali gus sebanyak 36 kali gaji sebulan tertakluk kepada jumlah maksima yang ditentukan.

Selain daripada pampasan di bawah Ordinan yang tersebut itu, pekerja-pekerja Kerajaan yang terlibat di dalam kemalangan di dalam pekerjaan boleh juga memilih faedah yang berupa Pencen Terbitan atau pun Pencen Tanggungan di bawah Ordinan Pencen, 1951. Bagi kes pekerja-pekerja yang meninggal iaitu akibat daripada kemalangan dalam pekerja, orang-orang tanggungannya adalah layak menerima ganjaran terbitan atau ganjaran setahun gaji, yang mana lebih berfaedah iaitu selaras dengan dasar mengelakkan pembayaran faedah berulang-ulang. Tetapi faedah pencen ini tidaklah dibayar kepada sesiapa yang telah mendapat faedah daripada Ordinan Pampasan Orangkerja.

Sebagai penjelasan, Allahyarham Encik Abdul Aziz ialah seorang pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan yang menerima gaji kurang daripada \$400 sebulan. Oleh hal yang demikian itu, orang-orang tanggungan (waris) Allahyarham Encik Abdul Aziz itu hanyalah layak menerima ganjaran maksima sebanyak \$7,200 dan ganjaran setahun gaji itu faedah bagi kematian semasa di dalam perkhidmatan. Faedah-faedah tersebut telah dijelaskan kepada yang berkenaan.

(b) Bagi menjawab soalan (b), sukacitalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan sedang membuat kajian bagi faedah-faedah tamat perkhidmatan kepada pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

PERINTAH BERKURUNG DI SUNGAI SIPUT

11. **Tuan Lee Lam Thye** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bila perintah berkurung di Sungai Siput (U), kawasan Chemur-Changkat Kinding-Tanjong Rambutan akan ditamatkan kerana perintah berkurung itu menyebabkan kesulitan yang besar kepada petani-petani di kawasan itu.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perintah berkurung di kawasan-kawasan Sungai Siput (Utara), Chemur-Changkat Kinding-Tanjong Rambutan dikuatkuasakan mulai pada 11-1-1976 bagi menjalankan operasi Pasukan Keselamatan ke atas kumpulan pengganas-pengganas komunis di situ. Perintah berkurung tersebut akan hanya ditamatkan apabila kumpulan itu dapat dipatahkan.

Perintah berkurung itu tidak menyebabkan kesulitan yang besar kepada penduduk-penduduk di kawasan itu kerana mereka boleh menjalankan kerja-kerja sehari-hari dan pas boleh dikeluarkan jika mereka meminta.

PEGAWAI BERBAHASA TAMIL DI PEJABAT PENDAFTARAN

12. **Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, samada beliau bercadang hendak menempatkan sekurang-kurangnya seorang pegawai berbahasa Tamil di Pejabat Pendaftaran, untuk membolehkan rakyat luar bandar dari keturunan India menyatakan dengan tepatnya sesuatu perkara yang diperlukan oleh pejabat yang berkenaan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian rasa tidak nampak akan sebab-sebab yang menasabah untuk menempatkan pegawai Tamil di Pejabat Pendaftaran itu.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbang mengadakan pegawai-pegawai yang boleh memahami dalam bahasa Tamil dan boleh memberi penjelasan kepada rakyat biasa

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar, saya hendak bertanya betulkah sebutan nama yang saya sebut bila saya seru nama Yang Berhormat itu? Ada orang tegur kata tidak betul sedikit.

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, Oo Gin Sun.

Tuan Yang di-Pertua: Gee Sun?

Tuan Oo Gin Sun: Gin Sun.

Tuan Yang di-Pertua: Gin Sun.

PERUSAHAAN GETAH BAGI PEGAWAI ASING

13. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada benar bahawa masih ada lagi orang-orang dagang di dalam perusahaan getah dan jika benar, apakah tindakan yang dicadangkan bagi mempercepatkan proses pengwarganegaraan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa masih ada lagi pegawai-pegawai asing di dalam perusahaan getah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan orang-orang asing ini adalah tertakluk kepada satu perjanjian yang telah dibuat pada tahun 1967 dengan pihak perusahaan ladang mengenai perwarganegaraan dalam perusahaan itu.

Mengikut perjanjian tersebut, pegawai-pegawai asing yang berkhidmat di dalam perusahaan ladang-ladang akan dikurangkan mengikut kadar 7% setahun sehingga tahun 1985, di mana semua jawatan-jawatan akan diwarganegarakan kecuali jawatan-jawatan penting atau "Key Posts". Jawatan penting ini dibenarkan terus dipegang oleh pegawai-pegawai asing, bagi menjaga kepentingan pelabur-pelabur asing itu. Sungguhpun perjanjian yang saya sebutkan tadi menghendaki perwarganegaraan mengikut kadar 7% setahun, yang dilaksanakan adalah melebihi kadar yang ditetapkan itu, iaitu 10.5% setahun. Pada 1-1-1966 bilangan pegawai-pegawai asing dalam perusahaan ladang di Malaysia ialah 845 orang dan pada 31-12-1975 pula

bilangan pegawai-pegawai asing yang terus berada di sini hanya 280 orang. Ini bermakna perusahaan ladang telah mewarganegaraan sebanyak 565 jawatan yang dahulunya dipegang oleh pegawai asing.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Soalan tambahan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa melaksanakan dasar yang tersebut tadi bukannya cuma menggantikan orang-orang yang bertugas sahaja, tetapi corak, bentuk, fikiran dan cara mereka bertugas pun hendaklah diperbetulkan mengikut dasar dan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Bolehkah dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu terlalu am nampaknya, tetapi saya pun bersetuju bahawa perjanjian yang terikat itu hendaklah dijalankan dengan semangat dan bukan hanya dengan perkataan-perkataan yang ada di dalam perjanjian itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Kepada saya tidak am, soalan yang saya buat ini specific iaitu berkenaan dengan corak pemikiran orang-orang yang menjadi manager-manager estet dan sebagainya. Jadi, saya tidak bersetuju mengatakan am.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah soalan yang lain. (Ketawa).

PENGISYTIHARAN DASAR MEMBASMI PENYALAHGUNAAN DADAH ASEAN

14. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah usaha telah dibuat dalam konteks kerjasama negara-negara ASEAN mengenai masalah menyalahgunakan dadah dan penyeludupan; dan apakah hasilnya.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Hajj): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam konteks kerjasama ASEAN, negara-negara ahlinya telahpun menandatangani satu perisytiharan iaitu Perisytiharan Dasar Membasmi Penyalahgunaan Dadah AS AN di Persidangan Menteri-menteri Luar Asean yang berlangsung di Manila baru-baru ini pada 24hb sampai 26hb Jun, 1976.

Tujuan Pengisytiharan ini ialah untuk memperhebatkan lagi tindakan-tindakan bersama negara-negara AS AN menumpas penyalahgunaan dadah dan penyeludupannya. Rancangan tindakan bersama yang dibentuk itu adalah hasil kajian bersama di antara negara-negara ASEAN, dengan memperhitungkan langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang kini berjalan di negara masing-masing bagi menghadapi masalah ini.

Di antara langkah-langkah bernama yang akan dilaksanakan itu termasuklah:

- (i) Tukar-menukar maklumat dan pengalaman di antara satu sama lain dalam bidang penyelidikan (research);
- (ii) Tukar-menukar maklumat dan pengalaman di antara jabatan-jabatan yang berkenaan mengenai penyeludupan dan pengeluaran haram dadah;
- (iii) Merapatkan lagi kerjasama di antara jabatan-jabatan yang berkenaan negara-negara ASEAN dengan ejensi-ejensi antarabangsa, seperti Interpol dan lain-lain badan yang terlibat di dalam usaha membasmi penyalahgunaan dadah; dan
- (iv) Usaha memulih semula atau rehabilitasi kepada penagih-penagih dadah itu.

Sementara itu, kerjasama dua-hala di antara negara-negara AS AN yang berkenaan, berupa tukar-menukar maklumat dan pengalaman di antara jabatan-jabatan dan ejensi-ejensi yang berkenaan, dan juga tukar-menukar lawatan oleh pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan yang berkenaan, telahpun berjalan dengan memuaskan sebagai usaha bersama untuk menghadapi masalah penyalahgunaan dadah dan penyeludupannya.

PEKERJA SEMENTARA KE JAWATAN TETAP

15. Tuan Lim Kit Siong minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar dasar Kerajaan yang mengatakan kakitangan-kakitangan sementara yang diambil untuk bekerja dengan projek-projek tidak layak untuk diresap masuk ke dalam perkhidmatan tetap, telah mengakibatkan rasa kebimbangan yang sangat di kalangan kakitangan-kakitangan sementara di mana beberapa orang daripada kalangan ini telah

bekerja dari lima hingga duabelas tahun, dan menyatakan samada Kerajaan akan merangka satu skim khas supaya menentukan kakitangan-kakitangan sementara seumpama ini tidak dibuang kerja selepas bekerja begitu lama dengan taat setia kepada Kerajaan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk melantik calon-calon yang mempunyai kelayakan penuh untuk mengisi jawatan-jawatan tetap. Dalam pada itu pekerja-pekerja sementara ada diambil dari semasa kesemasa bagi keperluan kerja-kerja sementara ataupun projek-projek tertentu. Pengambilan pekerja-pekerja tersebut adalah atas kadar seminggu ke seminggu ataupun sebulan ke sebulan dan syarat-syarat perkhidmatan ini adalah dijelaskan dalam surat-surat lantikan mereka masing-masing. Perkhidmatan mereka akan ditamatkan apabila selesai sahaja sesuatu kerja atau projek itu. Oleh itu, pegawai-pegawai sementara apabila menerima perantikan sementara itu, telah sedia maklum akan syarat-syarat perantikan mereka. Walau bagaimanapun, seperti biasa, pegawai-pegawai sementara yang berkelayakan penuh adalah layak memohon untuk mengisi jawatan-jawatan tetap yang kosong.

Urusan penyerapan yang telah dijalankan buat beberapa kalinya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah bagi melaksanakan perakuan Suruhanjaya Gaji Suffian. Suruhanjaya Suffian telah memperakukan supaya jawatan-jawatan tetap yang diisi oleh pegawai-pegawai sementara hendaklah dikaji semula dan, masa yang boleh, diisi oleh pegawai-pegawai tetap yang berkelayakan penuh. Pengisian itu bolehlah dilakukan dengan cara menyerapkan pegawai-pegawai sementara yang sedia memegang jawatan-jawatan itu sekiranya mereka itu didapati sesuai, ataupun, dengan cara menggantikan mereka dengan calon-calon baru. Dalam perakuan itu, adalah jelas bahawa pegawai-pegawai sementara yang diambil untuk projek-projek tertentu tidak terlibat dengan urusan penyerapan yang dicadangkan itu kerana Suruhanjaya Suffian sendiri telah mengambil faham tentang perlunya pegawai-pegawai sementara untuk membuat kerja-kerja yang sementara.

Oleh hal yang demikian, soal untuk mengadakan satu rancangan khas mengenai perkara ini tidak timbul.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang adakah angka-angka yang menunjukkan berapa ramai orang yang boleh dikatakan terlibat di dalam keadaan yang disebutkan dalam soalan ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan tadi pengambilan pekerja-pekerja sementara ialah untuk projek-projek yang tertentu. Dan oleh kerana projek-projek selalu bergilir-gilir diadakan tidak dapatlah saya memberikan satu jawapan yang tepat sekali.

PERJUDIAN YANG BERLESEN

16. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang hendak memberhentikan kesemua jenis permainan judi yang berlesen di negara ini, termasuk Loteri Kebajikan Masyarakat dan Toto, serta adakah beliau sedar dengan membenarkan permainan-permainan ini secara tidak langsung seolah-olah Kerajaan menggalakkan rakyat berjudi lagi pun ini bertentangan dengan Islam.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-ahli Dewan ini umumnya bahawa Kerajaan tidak sedikitpun terniat di dalam hatinya untuk membenarkan permainan-permainan yang bersifat perjudian dengan apa bentuknya sekalipun di negara ini dan jauh samasekali Kerajaan menggalakkan rakyat di dalam negara ini berjudi oleh kerana perjudian bukan sahaja bertentangan dengan akhlak dan budi-pekerti kemanusiaan, tetapi yang utamanya ialah bertentangan dengan ajaran Ugama Islam yang maha suci.

Tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui bahawa tabiat manusia adalah suka kepada sesuatu yang diharamkan atau yang dilarang oleh Allah, samada manusia itu terdiri daripada orang-orang yang beragama Islam atau tidak beragama Islam. Oleh kerana tabiat manusia yang semua jadi ini—dan tabiat ini tidak dapat dikawal disebabkan oleh kekurangan asas-asas

pengetahuan akhlak dan ugama dan didorong oleh nafsu dan kehendak-kehendak yang ditimbulkan oleh nafsu itu, maka Kerajaan terpaksa mengawal kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan ugama dan akhlak itu. Usaha Kerajaan dalam mengawal kegiatan-kegiatan judi ini dengan memperundang-undangkannya bukanlah dengan tujuan untuk menggalakkan mereka berjudi, tetapi semata-mata untuk mengawal kegiatan-kegiatan mereka itu di bawah undang-undang dan supaya tidak menjadi penyakit masyarakat yang menular. Oleh kerana itu undang-undang pengawalan perjudian terpaksa dikuatkuasakan dan Kerajaan sampai pada saat ini belum bercadang hendak menghentikan atau menghapuskan pengawalan-pengawalan tersebut. Walau bagaimanapun perjudian adalah kegiatan seseorang dan kegiatan seseorang itu akan dapat dikawal bukan sahaja oleh undang-undang, tetapi oleh seseorang itu sendiri dengan meletakkan asas bahawa perjudian adalah bertentangan dengan ajaran ugamanya dan bertentangan dengan konsep akhlak yang suci dan murni.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).

PERNAS DALAM PESTA PERDAGANGAN CANTON

17. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) samada beliau sedar ramai pengimpot-pengimpot tradisional barang-barang negeri China di negeri ini tidak puas hati dengan cara Pernas memilih saudagar-saudagar untuk mengambil bahagian di dalam Pesta Perdagangan Canton kerana hanya sebilangan pengimpot-pengimpot yang terhad dipilih dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk membenarkan lebih ramai pengimpot-pengimpot menyertai misi-misi perdagangan resmi ke Pesta Canton supaya menentukan ketidak hilangan peluang-peluang perdagangan; dan

(b) beberapa pesta perdagangan di Canton yang kita telah menyertai setakat ini, dan nyatakan bilangan pengimpot-pengimpot yang diundang untuk menyertai setiap pesta.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):

(a) Sebenarnya Pernas bukanlah yang memilih calon-calon untuk mengikuti Pamiran Perdagangan Canton. Sebaliknya pemilihan calon-calon ke Pamiran Perdagangan ini adalah dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan yang ahlinya terdiri daripada wakil dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Pernas Trading Sdn. Bhd. Dalam menimbangkan samada seseorang calon itu boleh dibenarkan atau tidak untuk mengikuti Pamiran Perdagangan ini biasanya Jawatankuasa Pemilihan ini menggunakan kriteria-kriteria tertentu sebagai garis panduan dalam pemilihannya. Secara umumnya kriteria-kriteria ini adalah meliputi perkara-perkara seperti umur, pernah mengikuti Pamiran Perdagangan ini atau tidak, jumlah impot yang dijalankan oleh syarikatnya dari negeri China, jumlah calon bagi mewakili satu syarikat dan samada ianya menjadi ahli kepada Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia atau tidak. Selain daripada itu bagi pemohon-pemohon dari negeri Sabah dan Sarawak samada mereka mendapat persetujuan daripada Pejabat Ketua Menteri masing-masing atau tidak.

Peranan Pernas di sini ialah memproses permohonan-permohonan yang diterima olehnya dan kemudiannya akan mengemukakan kepada Jawatankuasa Pemilihan untuk dipertimbangkan. Saya sedar mungkin perakuan-perakuan Jawatankuasa Pemilihan tidak dapat memuaskan semua permohonan tetapi yang lebih penting yang patut dipertimbangkan ialah kepentingan negara seluruhnya.

(b) Setakat ini kita hanya menyertai Pamiran Perdagangan Canton sahaja dua kali setahun sejak daripada bulan Oktober, 1971. Kementerian ini tidak

dapat menyatakan jumlah sebenar pengimpot yang dijemput untuk mengikuti Pamiran Perdagangan ini oleh kerana jemputan itu adalah dibuat oleh Chinese Export Commodities Fair secara individu dan tidaklah melalui Kementerian ini ataupun Pernas. Walau bagaimanapun melalui permohonan yang dibuat kepada Pernas untuk mengikuti pamiran ini secara puratanya kad jemputan yang dikeluarkan kepada pengimpot-pengimpot Malaysia adalah seramai 168 orang bagi tiap-tiap satu kali pamiran.

PEMBANTU-PEMBANTU TEKNIK

18. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan pembantu-pembantu teknik di Malaysia sekarang dan berikan angka pecahannya mengikut:

- (a) kaum Bumiputra; dan
- (b) bukan Bumiputra.

Perdana Menteri: Jumlah bilangan pembantu-pembantu teknik dalam Perkhidmatan Persekutuan di Semenanjung Malaysia yang ada sekarang ialah 620 orang. D daripada jumlah itu, bilangan Pembantu Teknik Bumiputra ialah 264 orang dan bukan Bumiputra 356 orang.

PEKEBUN KECIL

19. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau bercadang hendak menambah "Peraturan Tambahan" untuk memajukan tanah getah yang baharu diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil. Jika ya bila, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Soalan Ahli Yang Berhormat ini tidak berapa jelas. Kalaulah maksudnya ialah samada saya bercadang mengadakan suatu rancangan untuk membantu pekebun-pekebun kecil mengusahakan kebun-kebun getah mereka yang baharu sahaja diperolehi, suka saya memaklumkan bahawa jika tanah mereka itu mengandungi pokok-pokok getah tua, maka RISDA boleh menimbangkan bantuan tanaman semula. Di samping bantuan tanam semula, RISDA juga memberi kredit menanam kontan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang lain berkaitan dengannya.

Jika tanah pekebun-pekebun kecil itu belum lagi diusahakan, yakni tanah hutan atau kosong, maka RISDA boleh menimbangkan bantuan untuk menanam baru dengan syarat pekebun-pekebun kecil itu ada memiliki juga kebun-kebun getah tua yang jumlah luasnya tidak lebih dari 7 ekar sebelum atau pada 31hb Disember, 1970. Di samping bantuan tanaman baru pekebun-pekebun kecil juga boleh mendapat kredit pertanian dan lain-lain kemudahan.

Jika tuan-tuan punya tanah tersebut tidak ada memiliki tanah getah tua, maka bantuan tidaklah dapat diberi kepada mereka untuk menajukan tanah hutan atau kosong itu oleh kerana mereka-mereka yang berasaskan kepada pemilikan tanah getah tua sahaja yang layak mencrima bantuan daripada RISDA. Walau bagaimanapun RISDA boleh memberi perkhidmatan tunjukajar dan nasihat-nasihat kepada mereka di atas cara-cara pertanian untuk menanam getah dan boleh mengaturkan untuk mendapat bekalan benih yang baik dari tapak samaian RISDA sendiri.

ROMPAKAN DI SELAT MELAKA

20. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang rompakkan di perairan Selat Melaka mengakibatkan kehilangan harta benda dan nyawa kepada nelayan-nelayan kita, jika ya, nyatakan samada Kerajaan Malaysia dan Indonesia telah mengadakan perbincangan meronda bersama Selat Melaka untuk melindungi nelayan-nelayan dari menjadi mangsa lanun dan apakah keputusannya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Keadaan di Selat Melaka reda sekarang; ini jelas kerana dari bulan Januari, 1975 hingga bulan Jun, 1976 cuma 3 kejadian rompakkan sahaja dilaporkan berlaku di kawasan perairan antarabangsa dengan jumlah kerugian dilaporkan sebanyak \$18,000. Keadaan tenteram ini adalah hasil dari rondaan bersama antara Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Tentera Laut Indonesia.

JALANRAYA YANG ROSAK

21. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa jalanraya-jalanraya yang telah rosak dan berlubang terutamanya sekali di kawasan-kawasan di luar bandar besar tidak dibaiki. Tidak pernahkah Jabatan Kerjaraya di peringkat-peringkat negeri mempunyai Bahagian Maintenance untuk mengambil tindakan terhadap jalanraya-jalanraya yang telah rosak.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Sebagaimana yang telah saya beritahu di dalam Dewan ini ketika menjawab pertanyaan yang sama daripada Yang Berhormat dari Batang Padang pada 16hb Julai, 1976, saya tidak menafikan sungguhpun kerja-kerja menjaga atau menyenggarakan jalan-jalan dijalankan setiap masa di sana sini masih lagi terdapat kerosakan jalanraya-jalanraya. Saya juga sering memberitahu di dalam Dewan yang mulia ini bahawa dari segi penyenggaraannya Kerajaan pusat adalah memberikan peruntukan tahunan tertentu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyenggarakan setiap batu jalan-jalan di dalam negeri masing-masing. Oleh itu Kerajaan Negerilah yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penyenggaraan jalan-jalan ini melalui Jabatan Kerjaraya Negeri masing-masing.

PEMOHON TANAH FELDA

22. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan, samada beliau bercadang akan menyelesaikan pembahagian tanah kepada beribu-ribu pemohon tanah FELDA yang masih menunggu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tiada kemungkinan sama sekali semua daripada mereka itu akan dapat diberi tempat. FELDA cuma boleh memberi tempat kepada lebih kurang 5,000 keluarga setahun sahaja. Pada masa ini telah ada 19,333 pemohon-pemohon yang berjaya yang diletakkan dalam senarai menunggu.

PERKAHWINAN TAK RASMI BAGI WARGANEGARA MALAYSIA

23. Tuan Azbarul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa cara perkahwinan yang tidak rasmi akan meramaikan warganegara Malaysia yang kurang sihat dan itu tidak menguntungkan negara; dan
- (b) langkah-langkah Kerajaan untuk menyekat bahaya terhadap kepentingan sosial dan ekonomi bagi rakyat di masa akan datang.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusoff):

- (a) saya kurang faham istilah "cara Perkahwinan tidak rasmi". Semua perkahwinan yang mengikut adat resam atau custom, ugama atau mana-mana undang-undang perkahwinan Negeri ini adalah sah di sisi undang-undang dan anak-anak mereka itu berhak mendapat harta. Mithalnya "kes tujuh janda" atau "The seven widows case" yang masyor itu. Di bawah undang-undang Perkahwinan dan Penceraian yang baru diluluskan oleh Dewan ini semua perkahwinan bagi orang yang bukan Islam dan bukan Orang Asli diwajibkan didaftar dan adalah monogamous (seorang isteri sahaja).

Pada pendapat saya masalaah bertambah ramainya warganegara kita bukanlah dengan sebab adanya perkahwinan dengan tidak rasmi. Samada perkahwinan itu rasmi atau tidak rasmi, rakyat tetap ramai bertambah kalau rancangan keluarga tidak dilaksanakan dengan seluasnya oleh segolongan besar rakyat kita.

- (b) langkah yang kerajaan akan dan diambailah (a) meluaskan pengetahuan dan kemudahan bagi rancangan keluarga kepada rakyat jelata yang telah atau hendak berkahwin.

UNDANG-UNDANG PERUMAHAN

24. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada undang-undang perumahan di peringkat minima menguntukkan 1/16 ekar

tanah bercucuk tanam digunakan atas dasar tiap-tiap pekerja atau atas dasar sekeluarga.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tanah seluas 1/16 ckar adalah dibekalkan kepada tiap-tiap pekerja yang mempunyai tanggungan-tanggungan yang tinggal bersama di sebuah ladang.

HAKISAN BANDAR TELOK ANSON

25. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pertanian menyatakan samada Kerajaan Pusat mempunyai rancangan jangka panjang untuk menyekat masalah hakisan Bandar Telok Anson yang semakin buruk oleh air Sungai Perak yang mengakibatkan kehilangan dari dua hingga sepuluh kaki setahun di setengah-setengah tempat.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tidak. Perkara ini adalah dalam bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri.

HOSPITAL BESAR, IPOH

26. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kesihatan menyatakan samada sambungan baru Hospital Besar, Ipoh akan dibekalkan dan dipasangkan dengan yunit rawatan rapi yang moden.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa bangunan yang sedang dalam pembinaan berhampiran dengan Hospital Besar, Ipoh akan menjadi kompleks Hospital Besar baru Ipoh yang akan menggantikan bangunan-bangunan hospital lama yang tidak meneukupi pada masa sekarang. Hospital Besar Ipoh yang baru ini akan siap dalam pertengahan tahun 1977 dan mempunyai satu yunit rawatan rapi yang dilengkapi dengan alat-alat yang terbaru.

PAIP AIR—PEMBEKALAN

27. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada suatu rancangan untuk membekalkan paip air ke tempat-tempat berikut.

- (a) Kampung Betong Luar dan Kampung Betong Dalam di Kluang; dan

- (b) Lam Lee Village di Yong Peng.
Jika tiada, kenapa.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Terlebih dahulu saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tanggungjawab menyambungkan bekalan air ke Kampung-kampung yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah di bawah Kerajaan Negeri Johor.

- (a) *Kampung Betong Luar dan Betong Dalam, Kluang.*

Kerajaan Negeri Johor telah menimbangkan kemungkinan memasukkan bekalan air ke kampung-kampung ini tetapi belum dapat dilaksanakan lagi oleh kerana saluran paip yang terdekat sekali dengan kampung-kampung ini kira-kira satu batu jauhnya tidak mempunyai simpanan keupayaan yang cukup. Oleh itu Kerajaan Negeri sekarang sedang mencari punca sambungan air yang lain yang boleh menampung keperluan air di kampung-kampung tersebut.

- (b) *Lam Lee Village, Yong Peng*

Setakat ini belum ada rancangan Kerajaan Negeri Johor untuk menyambungkan bekalan air ke kampung ini oleh kerana bekalan air paip yang dekat sekali dari Pekan Yong Peng adalah sejauh 6 batu.

JURURAWAT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

28. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan jururawat-jururawat kita yang bekerja di luar negeri seperti di London, Australia dan lain-lain lagi yang telah balik berkhidmat di negara kita bagi menyahut seruan beliau beberapa masa yang lalu dan berikan angka pecahannya mengikut kaum di negara ini;
- (b) apakah syarat-syarat dan kelulusan-kelulusan yang diperlukan bagi mereka untuk menyambut seruan tersebut; dan
- (c) memandangkan kepada bertambahnya pusat-pusat Latihan Jururawat dan bertambahnya jumlah bilangan Jururawat yang dikeluarkan di negara kita, (i) adakah penerimaan jururawat-jururawat kita di luar negeri itu akan

menjejaskan perimbangan jururawat di negara kita ini; dan (ii) adakah negara kita masih lagi kekurangan jururawat.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Saya tidaklah dapat memberitahu bilangan Jururawat-jururawat Terlatih kita yang bekerja diluar negeri seperti di London, Australia dan lain-lain lagi yang telah balik berkhidmat di negara ini. Bagaimanapun sejak tahun 1972 hingga sekarang, bilangan Jururawat Terlatih yang kembali ke Malaysia dan telah ditawarkan jawatan oleh Kementerian saya adalah seperti berikut.

Melayu	...	...	42 orang
China	...	...	450 orang
India	...	...	109 orang
Lain-lain	...	...	21 orang

JUMLAH ... 622 orang

- (b) Jawapan yang sama telah saya berikan kepada pertanyaan di Dewan ini pada 4hb Disember, 1973, 13hb November, 1975 dan pada 5hb April, 1976. Bagaimanapun suka saya mengulangi sekali lagi bahawa semua Jururawat-jururawat Terlatih itu dikehendaki berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia. Syarat kelulusan peperiksaan SPM/MCE atau peperiksaan yang setaraf dengannya dan lulus Bahasa Malaysia di peringkat peperiksaan tersebut seperti yang disyaratkan di dalam Sekim Perkhidmatan Jururawat Terlatih telah diberi pengecualian. Bagi yang mempunyai SPM/MCE atau kelulusan yang setaraf dengannya dan lulus Bahasa Malaysia di peringkat peperiksaan tersebut akan dilantik ke jawatan tetap dan bagi mereka yang tiada mempunyai kelulusan tersebut akan dilantik sebagai Jururawat Terlatih Sementara ataupun Jururawat Terlatih secara kontrek. Jururawat Terlatih Sementara dan Jururawat Terlatih secara kontrek ini akan dilantik ke jawatan tetap apabila mereka lulus peperiksaan SPM/MCE atau kelulusan yang setaraf dengannya dan lulus Bahasa Malaysia di peringkat peperiksaan tersebut.

- (c) (i) Sukacitalah saya memberitahu Ahli Yang Berhormat, ini tidak akan menjejaskan perimbangan Jururawat negeri kita ini, kerana sehingga ini bilangan Jururawat-jururawat yang lulus daripada Sekolah-sekolah Latihan adalah lebih daripada bilangan Jururawat-jururawat kita di luar negeri yang diberi perkhidmatan di dalam jawatan-jawatan Kerajaan. Kita memerlukan banyak lagi bilangan Jururawat-jururawat kerana Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di dalam negara ini masih berkembang dari satu masa ke satu masa.

- (ii) Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan masih lagi berkekurangan Jururawat-jururawat. Tetapi masalah ini akan dapat diatasi secara beransur-ansur.

SALAHGUNA DADAH

29. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Undang-undang:

- (a) samada Kerajaan sedar bahawa penyalahgunaan dadah sekarang namakannya semakin merebak dan ada pihak tertentu yang tahu perkara ini tetapi tidak berbuat apa-apa, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mencegah perbuatan ini daripada merebak; dan
- (b) samada tindakan-tindakan yang lebih berkesan akan dijalankan, jika ya, bagaimana dan adakah undang-undang yang ada sekarang mengenai penyalahgunaan dadah hanya untuk menakut-nakutkan sahaja dan bukan untuk mencegah merebaknya atau menghapuskannya.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof:

- (a) Kerajaan sememangnya telah menyedari masalah itu bukan sahaja sejak sekarang bahkan semenjak dari kira-kira 7 tahun yang lampau. Penubuhan Pusat Biro Narkotik dari tahun 1972 adalah hasil dari kesedaran terhadap masalah ini. Sehingga ini Kerajaan telah mengambil segala langkah yang perlu untuk

menghalang perbuatan menyalahgunakan madat dan dadah dan di antara tindakan yang tersebut adalah undang-undang dadah merbahaya telah dipinda yang memberi hukuman yang paling berat pada mereka yang didapati bersalah dalam pengedaran dan penyeludupan dadah merbahaya. Pusat-pusat Rawatan telah dibina untuk penagih-penagih dadah. Jawatankuasa Penasihat Pencegahan Salahguna Dadah ditubuhkan, penyelidikan dalam bidang penyalahgunaan dadah telah dijalankan dan Persatuan Kebangsaan untuk menentang perbuatan menyalahgunakan dadah telah juga ditubuhkan.

Di bidang Penguatkuasaan juga jumlah orang-orang yang ditangkap kerana terlibat dalam penyeludupan dan pengedaran dadah dan jumlah dadah-dadah merbahaya yang dirampas adalah meningkat dari setahun ke setahun. Misalnya dalam tahun 1970 orang yang ditangkap adalah seramai 711 orang. Angka ini meningkat dari setahun ke setahun kepada 908 orang dalam tahun 1971, 1,155 orang dalam tahun 1972, 1,613 orang dalam tahun 1973, 1,819 orang dalam tahun 1974, 3,202 orang dalam tahun 1975 dan dalam tempoh tiga bulan pertama tahun 1976 seramai 971 orang telah ditangkap. Jumlah dadah-dadah yang dirampas juga bertambah dari setahun ke setahun dalam tahun 1970 hanya 7 ozs. heroin hahaja dirampas tetapi dalam tahun 1975 sebanyak 188 lb. heroin telah dirampas. Angka-angka rampasan bagi dadah-dadah merbahaya yang lain adalah juga meningkat dari setahun ke setahun.

- (b) Bagi sementara waktu belum dikehendaki lagi tindakan-tindakan yang lebih berkesan kerana segala tindakan yang telah dan sedang dijalankan itu adalah difikirkan mencukupi untuk mendapatkan kesan yang baik. Undang-undang yang ada sekarang bukan diadakan untuk menakut-nakutkan sahaja bahkan adalah untuk menguatkuasakan bagi mana-mana

kes yang berkesan dan tujuan utama undang-undang tersebut sememangnya untuk mencegah merebaknya perbuatan menyalahgunakan dadah.

SALAHGUNA WANG FELDA

30. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada Kerajaan sedar mengenai kes salahguna wang sebanyak \$354,212.50 di antara tahun 1973-1974, oleh seorang pengurus rancangan tanah FELDA di Gedangsa; jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Perkara yang disebutkan itu ialah mengenai satu kejadian di mana seorang pengurus rancangan (luas rancangan $\pm$ 6,000 ekar) tidak mengikut peraturan-peraturan kewangan dan telah mengenakan perbelanjaan kepada kira-kira yang tiada hubungan dengan perbelanjaan itu. Dari penyiasatan yang telah dijalankan oleh Inspektorat Odit FELDA telah didapati bahawa pengurus tersebut telah mengenakan perbelanjaan atas pembelian bahan-bahan kimia untuk menghapuskan tumbuh-tumbuhan kepada kira-kira pusat pengumpulan getah. Perbelanjaan yang dikenakan kepada kira-kira tersebut adalah dikutip balik terus daripada peneroka. Tetapi kira-kira ini adalah khas untuk perbelanjaan bagi menyelenggarakan pusat pengumpulan getah dan kemudaban-kemudahannya. Oleh kerana pengurus itu telah mengenakan perbelanjaan atas bahan-bahan kimia kepada kira-kira pusat pengumpulan getah ia telah mengenakan perbelanjaan yang tiada hubungan dengan kira-kira tersebut. Pengurus itu telah membuat demikian dengan tujuan menolong peneroka. FELDA tiada memberi sebarang pinjaman untuk membeli bahan-bahan kimia kepada peneroka yang telah mula menoreh pokok-pokok getah mereka dan mereka adalah dikehendaki menggunakan wang sendiri untuk tujuan tersebut. Pada masa yang berkenaan didapati peneroka tiada kemampuan untuk membeli bahan-bahan kimia oleh kerana harga getah telah merosot. Oleh itu pengurus itu telah mengambil tindakan untuk menolong mereka dan cara yang digunakan olehnya ialah mendahulukan wang untuk membeli bahan-bahan kimia dan mengutip balik

wang tersebut secara potongan melalui kira-kira pusat pengumpulan getah. Pengurus tersebut telahpun meletakkan jawatannya sebelum tindakan tatatertib dapat diambil oleh FELDA ke atasnya.

PASUKAN POLIS HUTAN DI SEMPADAN THAI

31. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada ia sedar pengunduran pasukan-pasukan keselamatan dari Betong dianggap sebagai kemenangan politik bagi pihak komunis dan oleh sebab itu, Perjanjian Sempadan Thai/Malaysia tahun 1965 adalah kini dalam keadaan kucar-kacir.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Walaupun penganas komunis mungkin memperolehi kemenangan saikoloji kita tidak menerima bahawa apakala Pasukan Polis Hutan ditarik keluar ialah satu kemenangan politik kepada pihak mereka. Entahlah, kalau Yang Berhormat dari Seremban hendak memperkecilkan Kerajaan Thai dan mengembong-ngembongkan kuasa politik penganas komunis maka dia boleh mengatakan peristiwa itu memberi kemenangan politik kepada pihak penganas komunis.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA— HOSPITAL DI SABAH

32. Pengiran Tahir bin Pengiran Patara minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan hospital yang akan dibina di Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga; di daerah-daerah mana hospital-hospital ini akan ditempatkan; dan jumlah wang yang akan dibelanjakan bagi tiap-tiap hospital ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: 7 buah hospital akan dibina di Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Daerah di mana hospital-hospital ini akan dibina dan perbelanjaan yang dicadangkan untuk membinanya adalah seperti berikut:

Daerah	Perbelanjaan yang dicadangkan
1. Hospital di daerah Papar	\$ 30,000.00
2. Hospital di daerah Beaufort	1,000,000.00
3. Hospital di daerah Ranau	135,000.00

4. Hospital di daerah Beluran	\$2,100,000.00
5. Hospital di daerah Tambunan	838,000.00
6. Hospital di daerah Kudat	1,000,000.00
7. Hospital di daerah Kota Belud	4,400,000.00

GERAKAN KOMINIS DI SEMPADAN

33. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan secara lanjut kedudukan tanahair kita Malaysia dari segi keselamatan dan juga gerakan Kominis terutama suasana di sempadan Thailand sekarang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kenyataan berhubung dengan kedudukan keselamatan tanahair kita sentiasa dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri berkenaan dari masa ke masa. Satu booklet mengenai kedudukan keselamatan negara seluruhnya akan di-edarkan tidak lama lagi.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.30 malam.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.30 malam.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

3.35 ptg.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengemukakan usul di atas nama saya yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara; meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi pelaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25 tahun 1976. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang berkesatuan, aman damai, saksama, maju dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada istilah-istilah dan perkataan-perkataan yang saya akan gunakan mungkin tidak dapat diikuti atau difahami dengan sepenuhnya oleh sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, maka di samping saya berucap dalam Bahasa Kebangsaan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap di dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, lima tahun yang lampau, pada 12hb Julai, 1971, bekas Perdana Menteri kita yang dikasihi, Tun Haji Abdul Razak, telah mengemukakan Rancangan Malaysia Kedua

kepada Dewan ini. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mengemukakan Rancangan Malaysia Ketiga peringkat kedua dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, yang mana perpaduan negara merupakan matlamat utamanya.

Kita dapat memasuki tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dengan lebih berkeyakinan lagi. Ekonomi kita adalah teguh. Kemajuan ekonomi kita dalam masa lima tahun yang lalu, meskipun terdapatnya inflasi dan kemelesetan ekonomi, merupakan satu bukti yang jelas menunjukkan kekuatan dan keteguhan asas ekonomi kita. Berdasarkan asas-asas tersebut, kita akan terus membangun. Usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan sosio-ekonomi yang telah dijalankan dengan bersungguh-sungguh membolehkan kita sekarang mempercepatkan lagi proses kemajuan kita ke arah satu keadaan sosio-ekonomi yang baru.

Walau bagaimanapun tempoh lima tahun akan datang akan mempunyai cabaran-cabarannya. Sesungguhnya, tempoh tersebut akan merupakan tahun-tahun yang penuh dengan cabaran dan kesukaran oleh kerana kemunculan semula ancaman komunis. Menerusi kegiatan-kegiatan subversif dan keganasannya, penganas-penganas komunis cuba menghancurkan perpaduan rakyat dan cara hidup kita dan dalam proses itu, menghalang usaha-usaha negara bagi mencapai sebuah masyarakat yang bebas, adil dan makmur. Anasiran-anasir anti-nasional ini akan dihapuskan. Kerajaan akan memainkan peranannya, insya Allah. Kita akan melaksanakan tugas ini dengan penuh kejayaan memandangkan setiap rakyat Malaysia bersedia untuk bangun bersama-sama kita dalam peperangan rakyat ini bagi menghapuskan musuh negara kita ini.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang saya sebutkan tadi, five years ago, on the 12th of July, 1971, our beloved late Prime Minister, Tun Abdul Razak, presented the Second Malaysia Plan to this House. Today, Sir, I have the honour to present the Third Malaysia Plan—the second phase in the implementation of the New Economic Policy—the over-riding objective of which is national unity,

We can enter the Third Malaysia Plan with confidence. Our economy is strong. Our economic progress in the last five years, despite inflation and recession, is eloquent testimony to the strength and resilience of our economic foundations. On these foundations, we will continue to build. The battle against poverty and socio-economic imbalances having been squarely joined, we are now in a position to accelerate the pace of our advance towards a new socio-economic order.

Yet the next five years will also have their challenges. Indeed, they will be trying and difficult times, for the threat of communism has once again reappeared. Through subversion and destruction militant communists seek to destroy the unity of our people and our way of life and, in the process, to hamper our national efforts for a free, just and prosperous society. These anti-national elements will be destroyed. The Government will play its part. And we will do this successfully as every Malaysian rises with us in this people's war to crush the common enemy.

Mr Speaker, Sir, our achievements under the Second Malaysia Plan provide ample evidence the great progress that can be made by a free and democratic Malaysian society. I do not have to dwell at length on the many facets of this progress to illustrate my point. Let me simply offer a thumbnail sketch.

Overall, the Malaysian economy grew by over 7% annually—a rate of growth which is well above the momentum of the sixties. In the process, *per capita* incomes rose by 3% per annum while more than 588,000 new jobs were created bringing down the rate of unemployment from 7.4% in 1970 to 7% in 1975. In turn, the resources generated by the growth of the economy made it possible for the Government to accelerate its efforts in the eradication of poverty and the restructuring of society.

In the rural areas;

- Over one million acres of new land were opened up by public sector agencies and the private sector. FELDA alone developed 412,000 acres for the settlement of 20,000

families. FELCRA developed another 67,000 acres through its youth, fringe alienation and rehabilitation schemes;

- Some 418,000 acres of land under rubber and pineapple were replanted with high yielding varieties;

More than 324,000 acres were provided with irrigation facilities with 270,000 acres capable of being double-cropped. The provision of adequate irrigation facilities also enabled over 527,000 acres of land to be planted with off-season crops; a sum of \$800 million was provided by way of credit and subsidies to agricultural smallholders and fishermen to expedite and accelerate the modernisation of the agricultural sector.

In the urban areas

Industrial development and the construction activities of both the Government and the private sector brought about the creation of 130,000 jobs for the growing urban and semi-urban populations;

The programmes of PERNAS, UDA, MARA and the SEDCs provided a strong stimulus to economic activities in the urban areas. The scale of their operations underwent considerable expansion of and now encompasses a wide range of activities including manufacturing, engineering and construction, property development as well as commercial and business services;

MARA, MIDF and Bank Pembangunan provided loans amounting to about \$600 million for the development of medium and small scale industries and businesses. The Credit Guarantee Corporation (C.G.C.) guaranteed over 35,800 loans amounting to over \$300 million, for the same purpose. Together with all these programmes for income and employment creation, a sizeable part of the Government's development effort went towards the enhancement of the quality of life of all Malaysians both in the rural and urban areas of the country.

- Over 300,000 families benefitted from the provision of piped water and 50,000 families from electrification;
- Some 260,000 housing units were completed with the public sector accounting for 86,000 units. About 50% of the public sector housing

programme was for the construction of houses for the lower income groups;

- A total of 29 health centres, 66 sub-health centres and 339 midwife clinics were completed in the rural areas. In addition to the already well-developed public health facilities in the urban areas, poly-clinics and health offices-cum-maternal and child health clinics were established in the major towns of the country to complement facilities in existing hospitals.

Tuan Yang di-Pertua, significant progress was also made in extending education and training throughout the country—programmes which are so important if our youth are to fully develop their latent potential and contribute, in an optimum manner, to the nation's progress and modernisation. Total enrolment at the primary and secondary levels of education increased by 215,000 or 12.8% and 319,000 respectively. The most notable increases were in Sabah and Sarawak. At the tertiary level, enrolments more than doubled with the most significant increases taking place in the science, technological and business disciplines. In the process, we have provided education to more than 95% of our children of school-going age at the primary level and over 60% for children in the lower secondary age group. These are major achievements which will have important effects in upgrading the quality of our future manpower.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dapat dan tidak akan melupakan kenyataan bahawa pencapaian matlamat-matlamat pembasmian kemiskinan dan penghapusan jurang perbezaan sosio-ekonomi dalam masyarakat kita, akan memerlukan usaha-usaha yang berterusan, tekun dan ber-sungguh-sungguh yang memakan masa bertahun-tahun lamanya. Namun demikian, kemajuan yang jelas telahpun terbukti. Dasar-dasar, program-program dan projek-projek kita telah memberi berbagai rupa sumbangan ke arah pengurangan kadar kemiskinan di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar—dari 59% kepada 54% di kawasan-kawasan luar bandar di antara tahun-tahun 1970 dan 1975, dan dari 21% kepada 19% di kawasan-kawasan bandar. Adalah suatu yang boleh dibanggakan

bahawa pengurangan kadar kemiskinan ini adalah agak nyata di kalangan penanam-penanam padi, pekebun-pekebun pertanian campur dan nelayan-nelayan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia—kumpulan-kumpulan yang mengalami kadar kemiskinan yang tertinggi sekali di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, progress is also evident in our quest for a restructured society. Sizeable increases have been registered in the employment of the Malays and other indigenous people in the modern sectors of the economy, particularly manufacturing and construction, although this has been principally at the lower levels of the occupational hierarchy. With regard to the ownership of corporate stock, the share of individual Malays and Malay interests expanded from 2.4% in 1970 to 7.8% in 1975—while this is still short of the target of 9% in 1975, it is still no mean achievement for us.

Apart from all these achievements for the Malays and other indigenous people, the employment of other Malaysians in the modern sectors of the economy also improved in absolute terms. The share of their ownership of corporate stock also expanded.

Tuan Yang di-Pertua, dari itu, menerusi perkembangan ekonomi yang pesat, kita telah memperolehi kemajuan ke arah mencapai matlamat-matlamat akhir kita dengan lebih banyak peluang-peluang bagi semua rakyat Malaysia sedang diwujudkan dalam proses tersebut. Sesungguhnya, semua ini merupakan langkah-langkah pertama dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tetapi adalah langkah yang tegas.

As we embark upon the Third Malaysia Plan, the second phase in the implementation of the New Economic Policy, it is of the utmost importance that our efforts should not be relaxed. Equally important, it is necessary that we maintain the strictest vigilance against any inconsistencies that may arise in the interpretation and implementation of our policies, programmes and projects in this regard. Imbalances which cause or even appear to reflect deviations from the fundamental principles and strategies of the New Economic Policy will hamper, if not wreck, our overall efforts to bring about the new socio-economic order

that we seek—a society in which Malaysians of all races, income groups and regions in the country will participate in and benefit from the process of social and economic development.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga telah dibentuk berasaskan kemajuan ekonomi dan sosial di tempoh kebelakangan ini, khususnya di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Ia juga mengambil perhitungan pengalaman yang telah diperolehi dari usaha memajukan pembangunan ekonomi dan sosial. Dengan menentukan tempoh pembangunan di samping keupayaan ekonomi kita yang sedang berkembang mengambil kesempatan dari keadaan perdagangan dunia yang bertambah baik, matlamat Rancangan ini ialah untuk mencapai pertambahan sebanyak 50%, dalam saiz ekonomi dari segi benar, menjelang tahun 1980. Keluaran dalam negeri kasar, dijangka akan berkembang dengan kadar 8.5% setahun, dibandingkan dengan 7.4% di bawah Rancangan Malaysia Kedua, dan kira-kira 6% dalam tahun-tahun enam puluhan. Sumber ekonomi yang akan dapat dihasilkan dari perkembangan ini sangatlah besar. Sesungguhnya, ia memberikan kita asas yang kukuh dalam Rancangan ini, bagi melaksanakan program-program pelaburan yang terbesar di kedua-dua sektor awam dan swasta di negara kita ini. Dari jumlah perbelanjaan untuk tujuan-tujuan pelaburan sebanyak lebih daripada \$44.2 ribu juta, pelaburan sektor awam adalah berjumlah \$17.4 ribu juta sementara bagi sektor swasta dijangka berjumlah \$26.8 ribu juta. Dengan mengambil kira sebahagian dari perbelanjaan-perbelanjaan dalam sektor swasta yang akan dibiayai oleh Kerajaan sendiri, matlamat perbelanjaan pembangunan sektor awam ialah \$18.6 ribu juta.

Tuan Yang di-Pertua, in the planning of our programmes for the public sector, we have taken full account of the socio-economic needs of our multi-racial people, the political realities of our time and the security threat confronting us. We have given the highest priority to the growth and modernisation of the agricultural sector, where the bulk of the poor of all races is found. Some 58% of the total of \$4.7 billion to be expended in this sector will go towards programmes aimed at

increasing productivity in existing agricultural areas so as to enhance the incomes and welfare of the rural poor. The programmes will include the replanting and new planting of rubber by RISDA, the provision of drainage and irrigation facilities, rehabilitation and consolidation of existing agricultural holdings by FELCRA, the promotion of inter-cropping, off-season cropping and crop diversification and the provision of credit and extension services as well as processing and marketing facilities. In our approach to the implementation of these programmes, we will stress the need for integrated rural development under which land improvement, irrigation, infrastructure expansion, the supply of credit and essential farm inputs, improved seed and fertiliser, marketing and basic social services, including health and education, will be developed as package programmes designed to provide broad-based improvements in the standard of living of the poor. The aim will be to introduce improvements at a progressive pace, at moderate cost per farmer, in order to cover a wide cross-section of the rural poor. The first such project will be implemented with World Bank assistance in the North-East Kelantan region. In the course of the Plan period, such schemes will be replicated throughout the country.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha-usaha kita untuk memperbaiki daya pengeluaran golongan yang miskin di kawasan-kawasan pertanian yang sedia ada, satu juta ekar tanah baru akan dibuka, dimaju dan dijadikan kawasan penempatan supaya dengan ini dapat memberikan peluang-peluang pekerjaan yang produktif kepada mereka-mereka yang tidak bertanah dan yang mempunyai bidang tanah yang tidak ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, industrial and urban development will be actively promoted to complement our agricultural development efforts. The aim will be to expand urban based employment, at a sufficiently rapid pace, to absorb the increasing population of the urban areas as well as the flow of the rural population into the urban areas. Our focus will be both the quantity and quality of employment. To this end, the provision of tariff protection and fiscal incentives will stress, among other objectives, the development of

efficient labour intensive enterprises, so as to increase the number of jobs created by the industrial and construction sectors in the country. In addition, the development of small-scale enterprises and petty trading will be directly assisted by the government through the provision of credit, technical expertise, extension services and infrastructure facilities.

The need to improve the quality of life of the poor in both the rural and urban areas will receive the special attention of the government—attention which will be equal to that being accorded to our programmes for income and employment creation. Particular emphasis will be given to the improvement of housing and other essential services for the lowest income groups in the rural as well as urban areas. A sum of about \$2.5 billion will be provided for housing. The programmes under the Third Malaysia Plan manifest the intent of the Government, not only to ensure that adequate housing is brought within the reach of the poor, but also to establish over time a property-owning democracy which encompasses Malaysians of all income groups in both the urban and rural areas of the country.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan tujuan Kerajaan untuk mengurangkan keadaan jurang perbezaan ekonomi di kalangan Negeri-negeri di negara ini, perhatian yang lebih besar akan diberi dalam Rancangan ini bagi mempercepatkan lagi pembangunan di Negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu, Melaka, Sabah dan Sarawak. Bagi Negeri-negeri yang lebih maju, peruntukan-peruntukan yang akan diberikan kepada mereka akan mengambil kira keperluan untuk memperkukuhkan lagi kemajuan yang telahpun dicapai di samping melaksanakan program-program bagi golongan yang miskin di kawasan-kawasan yang kurang maju dalam negeri-negeri tersebut.

Penggunaan peruntukan tersebut dengan lebih produktif oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, terutamanya yang kurang maju, akan memerlukan keupayaan perancangan dan pelaksanaan di negeri-negeri tersebut terus diperkukuhkan lagi. Kerjasama yang rapat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah amat penting. Begitu juga pentingnya penyertaan

yang aktif dari wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat daerah dan kawasan sekiranya faedah-pembangunan hendak disampaikan dengan segera kepada rakyat di negeri-negeri yang kurang maju itu.

Tuan Yang di-Pertua, we seek through the entire range of policies, programmes and projects in the Third Malaysia Plan to create 743,000 new job opportunities and thus reduce the rate of unemployment from 7% in 1975 to 6.1% in 1980. We seek to reduce the incidence of poverty from 44% in 1975 to 34% in 1980—from 54% to 43% in the rural areas and from 19% to 16% in the urban areas. We seek to increase the employment of the Malays and other indigenous people in the modern sectors of the economy, in particular the manufacturing sector. We seek to promote the absorption and participation of other Malaysians in sectors in which they are now under-represented, in particular modern agriculture and the services sectors. We seek to increase the share of the Malays and other indigenous people in the ownership of share capital in the corporate sector.

Tuan Yang di-Pertua, satu dasar untuk menambahkan hakmilik modal saham ialah syarikat-syarikat yang telah diluluskan hendaklah menguntukkan bahagian-bahagian yang tertentu dari modal saham mereka kepada orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra lain. Walau bagaimanapun, seperti yang diketahui umum, oleh kerana beberapa sebab, sebahagian besar dari modal-modal saham yang disediakan itu tidak dapat dibeli kesemuanya. Satu sebab bagi hal ini ialah terhadnya pendapatan orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra lain pada masa ini. Bagi menghadapi masalah ini, satu Tabung Pelaburan Bumiputra sedang ditubuhkan di bawah Rancangan ini dengan peruntukan permulaan sebanyak \$200 juta bagi membolehkan Kerajaan membeli modal-modal saham secara pilihan di dalam perusahaan-perusahaan yang menguntungkan. Modal-modal saham ini akan dipegang sebagai amanah kerana orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra lain sehingga di satu masa kelak apabila mereka mampu membelinya dari sumber-sumber mereka sendiri. Penubuhan Tabung ini seharusnya mempunyai matlamat yang jauh ke hadapan yang bertujuan bukan sahaja untuk menambahkan

modal-modal saham yang dipegang oleh orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra lain tetapi juga untuk membantu sektor swasta memenuhi dasar-dasar Kerajaan yang berhubung dengan penyusunan semula dasar pemilikan modal saham.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah ditegaskan bahawa Rancangan ini adalah bertujuan untuk memberi faedah kepada semua golongan masyarakat. Rancangan ini adalah untuk rakyat. Ianya bukan bertujuan untuk satu-satu kumpulan atau golongan dalam masyarakat sahaja. Program-program mengurangkan kemiskinan adalah untuk memberi faedah kepada semua rakyat miskin dari semua kaum. Begitu juga program-program penyusunan semula telah disusun untuk memperbaiki dengan lebih progresif dan serentak keadaan sosio-ekonomi semua golongan masyarakat di dalam semua sektor di mana terdapat mereka sekarang. Malahan, program-program yang dirancang kbusus untuk orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra lain akan juga menghasilkan faedah kepada kaum-kaum yang lain kerana mereka juga menyertai dalam pelaksanaan semua projek-projek ini dan menjalankan usaha sama dengan agensi-agensi Kerajaan dan orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra lain.

Tuan Yang di-Pertua, *sebagaimana yang saya sebutkan tadi, saya suka menegaskan dalam bahasa Inggeris iaitu, it cannot be over emphasised that the Plan is intended to benefit all segments of our society. It is a Plan for the people. It is not intended to benefit only one group or one section in society. Our poverty redressal programmes will benefit the poor of all races. Similarly, our restructuring programmes have been formulated to bring simultaneous and progressive improvement in the socio-economic position of all communities in those sector where they are currently under-represented. Even programmes designed specifically for the Malays and other indigenous people will generate benefits to other races as well as they participate in the implementation of these projects and as they enter into joint venture with Government agencies and the Malays and other indigenous people.*

Let us fully understand the process we have to undergo to attain national unity. We are a nation in transition. We have embarked upon a strategy for transforming

our society, the ramifications of which extend beyond the narrow bounds of socio-economic planning. We are actively planning national intergration and the attainment of a just society in which there is a place for everyone, within a socio-economic environment, in which all Malaysians find self-fulfilment and self-respect. Let us not be discouraged by problems, no matter how difficult they may be. Let us learn from our past mistakes so that we may improve on our future performance. What is most important is that we must be clear in our hearts and our minds as to our national goals.

Mr Speaker, Sir, our substantially enlarged development effort will entail a substantially higher level of financing than was undertaken during the Second Malaysia Plan. Indicative, however, of our growing economic strength, the bulk of these requirements will be met from domestic resources which are projected to be made available during the five year period. Indeed, the growing availability of these resources presents us an excellent opportunity to plough back into constructive socio-economic development what might otherwise be expended for less productive purposes. We must take full advantage of this opportunity for accelerating national development.

In financing the Plan, my Administration will, as in the past, ensure the implementation of prudent financial and monetary policies so that development will be advanced in the context of fiscal and monetary stability. We will not relax our efforts for the sound management of our expenditure budgets, both current and development. The current expenditure of the public sectors has been growing rapidly. To be sure, these expenditures are predicated upon the need to provide a widespread network of Government services to the people, especially the poor. We must nevertheless ensure that the productivity of the public service is progressively increased. We will keep this requirement in the forefront of our attention, as we strengthen and streamline the machinery of the Government in the course of implementing the Plan.

Tuan Yang di-Pertua, out of the \$18.6 billion to be expended in this Plan, about \$11 billion will be mobilised internally

through non-inflationary borrowing. A sum of \$5.8 billion will be sought by way of external market and project borrowing. Given the potential of our country in terms of its natural resources, its manpower and the solid economic base which has been built and developed over the years, the resources to be mobilised internally through pragmatic and prudent fiscal and monetary policy is well within our means. The amount of resources to be raised externally is also larger than in the Second Malaysia Plan. The debt service burden will nevertheless be modest, if not, minimal. It will amount to only 7% of our export earnings by 1980, compared with 4% in 1975—a debt service level which is about the lowest among countries at a similar stage of development. Even so, this is only a rough indicator of our capacity for external borrowing. The growth prospects of the economy, the growing diversification of our exports, the level of our external reserves and our past performance in the servicing of our debt obligations, all indicate the potential of the economy for attracting a sizeable amount of external resources for our own development while adhering at the same time, to the strictest possible dictates for a sound fiscal and monetary system.

Tuan Yang di-Pertua, Pentadbiran saya ingin merakamkan rasa penghargaan yang tinggi mengenai bantuan luar yang telah diterima oleh Malaysia di masa-masa yang lepas, dari punca antarabangsa dan dua-hala. Minat yang semakin meningkat, yang telah ditunjukkan oleh negara-negara OPEC, terutamanya Arab Saudi, Kuwait dan Kesatuan Arab Emirates, terhadap usaha-usaha pembangunan kita, adalah merupakan suatu punca kepuasan yang istimewa bagi kita. Bantuan yang berterusan dengan jumlah yang semakin meningkat dari negara-negara ini dan juga institusi-institusi antarabangsa, merupakan bukti keyakinan mereka terhadap ekonomi dan negara kita.

Mr Speaker, Sir, we should not be unduly alarmed at the very fact that we are going to borrow to finance our development programmes—as long as these resources are effectively used to sustain the momentum of development which has been set in motion and to generate further growth of the economy. Thus our approach towards the achievement of our long term goal must

be pragmatic and realistic by concentrating on those objectives which can be attained most effectively during the space of five years. We have the resources at our disposal now. With our will power and determination, we must exploit these resources and opportunities to their maximum for the purposes of accelerating the socio-economic development of our society.

Tuan Yang di-Pertua, the private sector will have an important role to play in the attainment of the socio-economic goals of the nation. In fact, the private sector is being called upon to provide the major source of capital formation under the Plan. This is in contrast to the S.M.P. when the principal source was public investment.

To enable the private sector to play its due role fully and effectively, my Administration will give high priority to the need to maintain at all times a favourable climate for investment in the country. In the design and implementation of our policies and programmes, especially those which affect private enterprise and initiative, we will therefore take great care to ensure that they always prove helpful in enabling the private sector to continue to contribute in a dynamic manner to our development goals.

The feeling has been expressed that the private sector could have been somewhat more vigorous in the recent past but for a number of problems which have arisen in the course of implementing the New Economic Policy. We fully appreciate the fact that in the implementation of our restructuring programmes, some uncertainties have arisen over the extent to which decision-making in the private sector would have to be circumscribed by public policy.

Tuan Yang di-Pertua, let us remove these uncertainties once and for all. Permit me, Tuan Yang di-Pertua, to reaffirm the following as basic principles which underline the implementation of our restructuring policies:

- (i) Present imbalances in the ownership of equity stock in individual enterprises will be corrected mainly through growth. Disinvestment of existing stock will not be compulsorily enforced for the purpose of executing the restructuring objectives of the Government.

- (ii) Growth, however, will not be interpreted only in terms of equity expansion as growth may occur not merely by way of stock expansion. A mutually acceptable measurement will be developed in consultation with the private sector.
- (iii) As the racial pattern of ownership sought by the N.E.P. in 1990 is a global target, it will not necessarily be applied at the level of individual enterprises in the economy. While the Government will seek different degree of majority Malaysian control in different industries, it continues to be prepared to allow foreign majority control for enterprises in sectors like manufacturing where foreign technology, management expertise and capital are required for the accelerated growth of the industry concerned.
- (iv) The ownership targets of the N.E.P. for 1990 are in general to be achieved by steady progress in the intervening period except in the case of a number of specified industries (including the extractive and resource-based industries) for which immediate conformance will be required.
- (v) The employment targets of the N.E.P. with respect to the employment of Malays and other indigenous people in the private sector will be enforced pragmatically. In cases where there is evidence that the participation of the Malays and other indigenous people in the degree required is not immediately feasible, the requirements of policy will be relaxed subject to fuller participation being provided for at the earliest possible opportunities.

Tuan Yang di-Pertua, my Administration seeks a responsible and effective partnership with the private sector so that together the goals of the New Economic Policy can be achieved at a pace and in a manner which is mutually beneficial to the private sector itself as well as the nation as a whole.

The deliberations of the N.D.P.C. Private Sector Consultative Committee—a Committee comprising senior Government officials and representatives of the private sector—have been invaluable in the preparation of the Third Malaysia Plan. So have the deliberations in a number of other

consultative forums which exist under the auspices of individual Ministries, I take this opportunity to express the appreciation of my Administration for the cooperation and the work of the private sector in these Committees.

Tuan Yang di-Pertua, the implementation of the Plan will call for a high degree of efficiency and effectiveness in the operation of Government's administrative machinery and a high sense of integrity, dedication and professionalism on the part of all our public servants. Those directly concerned with drawing up this Plan have worked long and hard with no motive other than to strive for the creation of a just and prosperous society. I would like to thank them for their efforts and sincerity of purpose. It is my hope and expectation that they will continue to work as selflessly in the implementation of the Plan. These qualities are important if we are to ensure that the potential benefits of the large development efforts that we plan to make, do in fact, reach their intended beneficiaries, be they in the kampungs, towns, new villages or estates. In the course of the Plan period, my Administration will introduce a number of major improvements for the purpose.

Tuan Yang di-Pertua, priority will be given to the strengthening of our planning and implementation machinery at all levels but especially at the State and District levels. Emphasis will be given to the less developed States. Regional offices of the Federal Economic Planning Unit will be set up initially in the Northern and Eastern States of Peninsular Malaysia to work with the State Planning Units concerned in the endeavour to step up the identification and preparation of projects, especially those which contribute directly to the two prongs of the New Economic Policy.

Tuan Yang di-Pertua, the activities of Public Corporations will also be closely monitored to bring about high standards of efficiency and to ensure public accountability. With the large amount of public funds being channelled to these agencies, it is incumbent on the managements concerned that the highest possible returns are obtained from monies spent. To help in this regard, the practice of independent management audits will be instituted while the need for regular and timely financial audits will be enforced.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan sebagai mana saya sebutkan tadi akan diberi kepada usaha-usaha memperkukuhkan lagi jentera perancangan dan pentadbiran di semua peringkat terutama di peringkat-peringkat Negeri dan Daerah. Keutamaan juga akan diberi kepada Negeri-negeri yang kurang maju. Pejabat-pejabat Wilayah Bahagian Perancang Ekonomi di peringkat Persekutuan akan ditubuhkan buat permulaannya di Negeri-negeri Utara dan Timur Semenanjung Malaysia untuk bekerjasama dengan Unit-unit Perancang Ekonomi Negeri yang berkenaan dalam usaha untuk mempercepatkan penentuan dan penyediaan projek-projek terutamanya yang dapat memberi sumbangan langsung kepada matlamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru.

Kegiatan-kegiatan Perbadanan-perbadanan Awam akan diawasi bagi mengujudkan taraf kecakapan yang lebih tinggi dan lebih bertanggungjawab lagi. Dengan jumlah peruntukan awam yang besar disalurkan kepada agensi-agensi tersebut, adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan yang berkenaan supaya menentukan hasil yang tinggi dapat diperolehi dari wang yang telah dibelanjakan itu. Bagi membantu hal ini, amalan-amalan odit pengurusan yang bebas akan dijalankan sementara odit kewangan yang kerap dan mengikut masa akan terus dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, the socio-economic development tasks before us are challenging ones, even more so in view of the security situation which we now face. While we can look to the future with confidence, we must do so with proper perspective as we progressively move towards the attainment of our ultimate goals. We cannot afford short cuts, if we are to build upon secure foundations. We certainly cannot be complacent with the success we have achieved so far. We must guard against laxity which produces complacency.

As we build, we must at the same time be ever vigilant against disruptive forces existing among us. We must be prepared to make sacrifices and sustain our efforts to overcome these forces. National unity and our way of life are too important and precious for us to demand anything less.

It is also necessary for us to remember always that the achievement of a peaceful, prosperous and harmonious multiracial society cannot depend on the efforts of the Government alone. It can only be the result of a full commitment by all Malaysians, irrespective of race, culture and religion, to the triple goals of eradicating poverty, restructuring society and ensuring national security. On its part, the Government will provide the leadership, the public policy framework and the infrastructure facilities. It is the people who must achieve. Surely what we seek is a progressive society that is oriented towards performance and achievement, a resilient society that is motivated and committed to the goals of the nation, a self-reliant society of inter-dependent people working in partnership with the Government for the common good.

I urge this House and the people of this country to give their fullest support and cooperation to making the Third Malaysia Plan a success.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, tugas-tugas pembangunan sosio-ekonomi yang kita laksanakan adalah penuh dengan cabaran, lebih-lebih lagi memandangkan keadaan keselamatan negara yang kita hadapi sekarang. Sambil memandang masa depan dengan penuh keyakinan, kita mestilah melakukannya dengan tepat ketika kita bergerak menuju ke arah matlamat-matlamat akhir yang diharapkan itu. Kita hendak membangun atas asas-asas yang terjamin. Kita tidaklah boleh berpuashati dengan apa yang telah dicapai selama ini. Kita tidak boleh lalai dan berasa puas dari apa yang telah diperolehi.

Sambil kita membangun, kita mestilah, pada masa yang sama, berhati-hati terhadap anasir-anasir yang boleh melemahkan dan yang ujud di kalangan kita. Kita mestilah bersedia berkorban dan mengekalkan usaha-usaha untuk mengatasi anasir-anasir ini. Perpaduan negara dan cara hidup kita adalah perkara yang terlalu penting untuk diabaikan.

Adalah perlu bagi kita untuk sentiasa mengingati bahawa pencapaian keamanan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat berbilang kaum bukanlah terletak semata-mata kepada usaha-usaha Kerajaan sahaja. Ia hanya akan dicapai dengan adanya

tanggungjawab penuh oleh semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, kebudayaan dan ugama terhadap tiga matlamat membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan menjamin keselamatan negara kita. Kerajaan sendiri akan memberikan pimpinan bagi mengadakan rangka dasar awam dan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Rakyatlah yang patut mencapainya. Sudah pasti bahawa apa yang kita hajatkan ialah sebuah masyarakat yang maju yang berorientasikan kemajuan dan kejayaan iaitu sebuah masyarakat yang teguh, yang didorong dan bertanggungjawab kepada matlamat-matlamat negara, sebuah masyarakat yang berdikari dengan penduduknya saling bergantung di antara satu sama lain dan berganding-bahu dengan Kerajaan untuk kebaikan bersama.

Saya menyeru Dewan ini dan rakyat negara ini supaya memberikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*).

4.55 ptg.

Menteri Baruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu dokumen yang paling penting sekarang dibentangkan di hadapan Dewan ini, satu dokumen yang melambangkan harapan dan impian rakyat kita di masa hadapan. Rancangan Malaysia Ketiga merupakan satu Rancangan yang lengkap, satu Rancangan yang mengakui susunan masyarakat kita yang kompleks serta keadaan politik kita sekarang.

Rancangan ini mengkaji semula secara detail kemajuan yang kita capai sejak 1970 dan merangka dasar-dasar perancangan yang kita perlukan sekarang untuk membangunkan satu Negara Malaysia yang baru. Di hadapan kita ini sekarang, terbentang satu dokumen yang berani dan "imaginative", satu dokumen yang memberi garis-garis kasar untuk menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menerangkan secara detail elemen-elemen penting di dalam rancangan ini. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia

maklum, Rancangan ini adalah sambungan Rancangan Malaysia Kedua. Rancangan Yang Ketiga ini hanyalah merupakan phase kedua di dalam usaha jangka panjang kita membasmi kemiskinan serta menyusun struktur sosio-ekonomi kita yang tidak seimbang. Yang demikian Rancangan ini hendaklah diukur mengikut peringkat-peringkat pelancarannya serta pencapaian-pencapaian matlamatnya juga hendaklah berdasarkan kepada konteks pembangunan jangka panjang negara kita iaitu daripada 1970-1990.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga perlu dinyatakan sekali lagi unsur-unsur penting yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Yang Kedua. Semua dasar-dasar yang terkandung di dalam dokumen ini, dan semua projek-projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun yang akan datang, adalah bergantung kepada pertumbuhan ekonomi kita yang pesat. Tanpa perkembangan ekonomi ini, tujuan kita untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat kita mungkin tidak akan tercapai. Sesungguhnya jika "economic cake" negara kita tidak berkembang sejajar dengan kehendak kita, jika ia tidak berkembang kerana kita tidak mengambil usaha-usaha yang positif untuk mencapainya, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa pun melainkan diri kita sendiri.

Dewan ini mungkin ingat apabila Allahyarham Tun Abdul Razak membentangkan Rancangan Malaysia Kedua di dalam Dewan ini pada tahun 1971, beliau telah memberi jaminan bahawa dalam proses perlaksanaannya tidak seorang pun akan mengalami kerugian atau merasa bahawa hak-hak kebebasan, pendapatan dan peluang-peluang pekerjaan bagi mereka, telah diketepikan. Jaminan yang serupa telah ditegaskan sekali lagi di perenggan 569, Rancangan Malaysia Ketiga ini dan tidak syak lagi bahawa seluruh negara akan menyambut baik jaminan ini. Kita percaya, jika kita dapat mencapai matlamat perkembangan dan pertumbuhan ekonomi, kita tidak harus takut atau gelisah kerana kebebasan dan hak-hak semua rakyat adalah tetap terjamin.

Matlamat Rancangan Malaysia Ketiga ini ialah penambahan ekonomi sebanyak 50% sehingga tahun 1980. Pengeluaran

Kasar Negara (G.D.P.) adalah dijangka berkembang sebanyak 8.5% setahun berbanding dengan 7.5% di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan sebanyak 6% di tahun-tahun enam puluhan. Matlamat ini mungkin merupakan satu matlamat yang "ambitious" tetapi kita yakin akan dapat mencapai matlamat ini kerana kita mempunyai keupayaan dan keteguhan ekonomi dan juga mempunyai potential yang banyak untuk perkembangan.

Matlamat pelaburan modal kita bagi tempoh lima tahun yang akan datang juga mencerminkan "emphasis" kepada pertumbuhan. Jumlah pelaburan modal dijangka lebih daripada \$44.2 billion, dari jumlah ini \$26.8 billion dijangka datang dari sektor swasta samada dalam atau luar negeri. Perbelanjaan pembangunan awam dianggarkan sebanyak \$18.6 billion, iaitu sebanyak 90% lebih tinggi dari yang dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Sektor Swasta sekarang digesa untuk membekalkan sebahagian besar dari sumber modal yang diperlukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ini adalah berlainan daripada Rancangan Malaysia Kedua di mana sumber utamanya ialah dari pelaburan sektor swasta.

Oleh kerana memandangkan betapa pentingnya peranan yang akan dimainkan oleh sektor swasta, Kerajaan adalah sedar betapa perlunya diwujudkan satu suasana penanaman modal yang sihat di negara ini setiap masa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun memberi jaminan bahawa Kerajaan menjalankan segala usaha-usaha untuk mewujudkan suasana ini supaya penyertaan penuh dari sektor swasta akan dapat diselenggarakan dengan licin. Jaminan ini telah juga diterangkan beberapa kali di dalam dokumen ini dan saya percaya bahawa Dewan ini akan mengalu-alukan sikap Kerajaan mengenai perkara ini.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menarik perhatian Dewan ini mengenai kenyataan yang baru dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri betapa perlunya "decision-making" di dalam sektor swasta sejajar dengan dasar Kerajaan. Beberapa "uncertainties" telah timbul dalam pelaksanaan dasar ekonomi baru

dalam tempoh lima tahun yang lepas. Adalah menjadi harapan kita supaya jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai prinsip-prinsip asas pelaksanaan rancangan penyusunan ini akan dapat diterima dengan baik oleh kalangan penanam-penanam modal.

Sungguhpun nyata bahawa kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga adalah bergantung besar kepada prestasi swasta tetapi jentera perkhidmatan Kerajaan juga adalah memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Sistem pentadbiran Kerajaan adalah merupakan perantaraan di antara Kerajaan dan Rakyat. Yang demikian, ianya perlu disusun semula untuk memberi faedah-faedah yang lebih kepada kedua-dua pihak. Adalah sangat-sangat dikesalkan masih terdapat sebahagian kecil kakitangan-kakitangan awam yang memandang sepi akan kepentingan tugas-tugas mereka dan tidak mengindahkan betapa besarnya harapan rakyat terhadap mereka.

Kelengahan-kelengahan masih juga terdapat di dalam sistem pentadbiran ini dan tindak-tanduk setengah-setengah pegawai telah menimbulkan persoalan-persoalan yang tidak seimbang dalam interpretasi dan pelaksanaan dasar Kerajaan. Tambahan pula, kita telah menyaksikan kehilangan kepercayaan rakyat terhadap "integrity" pegawai-pegawai Kerajaan terutama sekali di peringkat-peringkat yang rendah di mana mereka adalah berhubung terus dengan rakyat. Kerajaan adalah sedar bahawa keadaan ini mestilah diselesaikan dengan cepat, kalau tidak ia akan merebak seperti penyakit barah dan memburukkan "image", perkhidmatan awam yang lain. Kita adalah bertanggungjawab penuh untuk menentukan kepercayaan rakyat terhadap kelicinan jentera pentadbiran Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan licin dan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rancangan Malaysia Ketiga ini seperti juga lain-lain rancangan sebelumnya, ialah untuk meninggikan taraf ekonomi rakyat kita. Ia menitikberatkan penghapusan kemiskinan dengan tidak mengira bangsa atau taraf, serta berusaha untuk menyusun semula aktiviti-aktiviti ekonomi supaya satu-satu bangsa itu tidak akan dapat dikenali mengikut fungsi-fungsi ekonomi

masing-masing. Walau bagaimanapun, objektif muktamatnya tidaklah semata-mata berbentuk ekonomi sahaja bahkan kesan-kesan dasar ekonomi baru ini adalah meliputi semua bidang-bidang politik dan sosio-ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, dasar "philosophy" kita amatlah mudah. Kita bertujuan untuk membina suatu asas yang kukuh bagi suatu negara yang adil bersatu-padu, aman dan makmur di mana warisan kita yang berbilang bangsa adalah merupakan satu "asset" dan punca kemegahan kita. Oleh yang demikian, kita adalah melibatkan usaha-usaha kita dalam pergerakan sosial secara besar-besaran bagi mengubah sikap kita dan aliran pembahagian harta kekayaan negara ini. Dalam proses ini, kita cuba juga untuk memberi nilai-nilai dan norma-norma yang sama, sesuai dengan masyarakat kita yang berbilang bangsa sesuai dan sejajar, dengan cara hidup, kita yang berdemokrasi. Kita akan berusaha untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat dan akan mempelajari untuk menilai sesuatu prestasi, pencapaian dan moral hidup kita yang tinggi. Kita akan berusaha untuk memberi pengertian yang lebih kepada Rukunegara yang mana tanpa prinsip-prinsip pimpinannya kita tidak akan dapat mencapai suatu identiti Malaysia yang tulin.

Semua ini boleh dicapai oleh kita tapi masih terdapat beberapa halangan-halangan yang mengancam harapan dan rancangan kita untuk memperbaiki keadaan kehidupan kita dalam berbagai-bagai bentuk dan berbagai-bagai rupa. Musuh-musuh kita sentiasa bersedia untuk membuat huru-hara dan menyemaikan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada tolak-ansur dalam soal keselamatan negara. Ini adalah peperangan rakyat dan rakyat mestilah bergandeng-bahu dengan Kerajaan untuk menentang ancaman-ancaman yang dihadapi itu. Kita semua mestilah berwaspada. Dengan kerjasama rakyat dan Kerajaan kita pasti akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang menempuh satu masa yang penuh dengan cabaran. Adalah terpujang kepada kita untuk mengambil dan menggunakan dengan sepenuhnya peluang-peluang yang ada di hadapan kita sekarang. Saya berasa tidak syak lagi bahawa semua rakyat Malaysia akan mendapat bahagian masing-masing di

dalam negara kita yang kaya ini. Rakyat Malaysia akan dapat merasakan "a sense of belonging" dan saya percaya semua mereka akan mengalu-alukan rancangan Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa 6 hari telah diuntukkan membahaskan usul ini dan 2 hari untuk Yang Berhormat Menteri-menteri memberikan jawapannya.

Persidangan Dewan ini pada tiap-tiap hari membahaskan usul ini ialah selama lebih kurang 5 jam iaitu sehingga 8.30 malam tiap-tiap hari, bermakna 300 minit kali 6 hari berjumlah 1,600 minit supaya untuk memberi peluang yang adil kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, maka hanya boleh dibenarkan Ahli-ahli bercakap tidak lebih daripada 30 minit atau setengah jam, dan Yang Berhormat Ketua pembangkang bolehlah dibenarkan sehingga 40 minit. Sekarang saya jemput.

5.15 ptg.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira untuk berucap bagi menyokong Rancangan Malaysia Ketiga, yang baru sahaja dikemukakan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saat ini adalah satu peristiwa yang bersejarah, kerana inilah pertama kalinya sejak Merdeka seorang lain, selain daripada Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, yang telah membentangkan Rancangan pembangunan negara kita di Dewan yang mulia ini. Kita di Dewan yang mulia ini serta juga rakyat Malaysia berasa bangga untuk menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri kita sekarang, telah menunjukkan "commitment" yang sama terhadap pembangunan serta pembentukan rakyat Malaysia yang bersatu-padu melalui usaha-usaha perkembangan ekonomi yang berterusan untuk memberikan peluang-peluang yang luas kepada rakyat

Malaysia. Usaha-usaha tersebut telah men-sifatkan Tun Abdul Razak sebagai seorang strategist dan "implementor" pembangunan yang ulung yang pernah kita lihat di dunia yang sedang membangun ini. Adalah satu penghargaan dan penghormatan yang besar kepada Tun dan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sendiri, untuk mengemukakan Rancangan Malaysia Ketiga ini, sebagai mengenangkan jasa-jasa, cita-cita hidup dan pimpinan yang dinamis Tun Abdul Razak dalam usaha-usaha pembangunan negara kita.

Sejak kita melancarkan Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1971, Kerajaan, sebagaimana yang dijanjikan, senantiasa mengulang-kaji akan kemajuan yang dicapai. Dengan perkataan-perkataan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri di dalam Kata Pendahuluan Kepada Rancangan Malaysia Ketiga, kita telah "berwaspada terhadap tafsiran dan pelaksanaan dasar-dasar dan strategi-strategi yang bercanggah yang boleh membawa kepada penyelewengan usaha-usaha kita daripada asas-asas utama Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara". Lebih lagi, kita telah terus menerus memperbaiki dan memperbaharui rekabentuk dan butir-butir Dasar Ekonomi Baru, agar tekanan asas Dasar itu dapat ditimbulkan dengan lebih terang dan kejayaan serta kekurangannya dinilai dengan lebih mudah lagi.

Kerana itu, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua dalam tahun 1973 telah menetapkan lebih banyak lagi garis panduan kepada kedudukan rakyat Malaysia dari segi pendapatan, pekerjaan dan hakmilik harta, serta juga telah menyediakan rancangan untuk 20 tahun akan datang seperti yang terkandung di matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam Perspective Plan 1970 hingga 1990. Perkara-perkara yang disebutkan ini adalah perkembangan-perkembangan yang mustahak, bukan sahaja dari segi teknikal, tetapi juga dari segi faedah-faedah yang diberikan kepada semua rakyat Malaysia agar mereka memahami lebih lanjut lagi Dasar Ekonomi Baru sambil memerhatikan perkembangan yang berlaku di dalam melaksanakan Dasar tersebut.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, kita dapat menyaksikan Dasar tersebut dinyatakan dengan lebih halus dan dalam lagi serta juga garis panduan untuk meng-

gerakan Dasar tersebut diterangkan dengan lebih lanjut. Saya anggap perkembangan ini sebagai satu kejayaan atau "breakthrough" di dalam konsep kita untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum atau kawasan. Buat pertama kalinya kita telah dapat mengenali dan menetapkan kumpulan-kumpulan yang paling miskin dan juga menentukan dasar-dasar dan rancangan-rancangan yang dijalankan untuk membuat perubahan ke atas kedudukan mereka. Kumpulan-kumpulan atau "target groups" yang saya maksudkan itu ialah: penanam padi, pekebun-kecil penanam kelapa, nelayan, pekerja-pekerja ladang, orang-orang Kampung Baru, pekerja-pekerja pertanian, Orang Asli serta juga orang miskin di kawasan bandar, terutama sekali peniaga-peniaga kecil, penjaja-penjaja dan berbagai lagi pekerja-pekerja persendirian yang lain.

Saya mensifatkan strategi "target groups" ini sebagai satu "breakthrough" yang besar di dalam usaha kita menghapuskan kemiskinan, kerana ianya boleh mengelakkan berlakunya sebarang "conceptual barrier" di dalam hati rakyat kita, serta juga di kalangan mereka yang terlibat di dalam implementasi Dasar Ekonomi Baru iaitu, manakala Kerajaan telah sejak Merdeka, dan akan pada masa akan datang, menumpukan masa dan tenaga yang banyak untuk menghapuskan kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar pada umumnya, strategi kumpulan-kumpulan tertentu atau "target groups" ini, akan menjamin bahawa kumpulan-kumpulan yang paling miskin yang dimaksudkan itu, di luar bandar dan di kawasan bandar, tidak akan ketinggalan atau tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Ini akan membantu Kerajaan dalam usaha mengelakkan beberapa perasaan tidak puas hati yang ujud di dalam pelaksanaan rancangan anti-kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar dan di bandar, di kalangan orang-orang Melayu sendiri, dan di kalangan rakyat Malaysia yang lain. Semua rakyat Malaysia, pada hakikatnya, akan menyambut baik usaha menghalusi strategi itu atau "refinement of the strategy". Semua rakyat Malaysia juga akan menyambut baik jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa perhatian akan diberikan untuk mengelak berlakunya sebarang penyelewengan terhadap strategi tersebut.

Dari segi yang lain pula, Rancangan Malaysia Ketiga adalah dirangka dan dipersembahkan kepada semua rakyat Malaysia, rancangan itu diasaskan di atas kejayaan yang telah dicapai di dalam Rancangan Malaysia Kedua, serta juga membaiki lagi akan penyelewengan dan kelemahan-kelemahan di dalam perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bercakap sedikit di dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) In the Third Malaysia Plan, Mr Speaker, Sir, we see yet further refinements of the Policy and guidelines for action on that Policy, which I would categorise as a major breakthrough in the concept of our assault on poverty irrespective of race or region. We see for the first time a clear identification of the worst affected poverty groups—the poorest of the poor—and the assembling of a package of policies and programmes to alleviate their lot. The target groups so specified are: padi growers, rubber smallholders, coconut smallholders, fishermen, estate workers, new villagers agricultural labourers, the Orang Asli and the urban poor, particularly those in petty trades, hawking and in personal service of a variety of types.

I describe the identification of these target groups as a major breakthrough in our attack on poverty, as it will help to avoid a serious conceptual barrier in the minds of our people, as well as those involved in implementation of the New Economic Policy; while the Government has since Merdeka, and will in the future, devote a considerable amount of resources and time to the broad-based attack on massive poverty in rural areas generally, the "target groups" strategy will ensure that particular poverty groups in the rural areas and in the urban areas are not missed or given only scant attention. This will help substantially in removing the grounds for a lot of the dissatisfaction that has existed in the implementation of the anti-poverty programmes both in the rural areas and in the towns, among Malays themselves, as well as among other Malaysians. All Malaysians will therefore welcome this refinement of the strategy. All Malaysians will also welcome the Prime Minister's assurance that care will be taken to avoid deviations from such a strategy.

In other respects, too, the Plan has been conceived and presented as one for all Malaysians building on the firm successes of the Second Malaysia Plan, and correcting the deviations and weaknesses in its implementation.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian terus menerus yang diberikan kepada perkembangan pertanian di dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan memberi faedah kepada orang-orang miskin di dalam sektor pertanian serta juga menghasilkan bahan-bahan makanan yang diperlukan oleh penduduk kita yang sedang berkembang ini. Ketegasan yang diberikan kepada pertambahan sektor industri adalah disambut baik. Pertambahan hasil keluaran industri sebanyak 12% tiap-tiap tahun dan menyediakan banyak pekerjaan baru di sepanjang Rancangan tersebut adalah satu sumbangan yang terbesar di antara sektor-sektor dalam usaha pengwujudan peluang-peluang pekerjaan. Kadar perkembangan sektor industri seperti ini akan memberikan sumbangan yang bernilai ke arah persediaan pekerjaan kepada tenaga buruh di kawasan bandar, serta juga pengambilan arus keluar cerdik pandai daripada sektor luar bandar. Kegiatan-kegiatan dalam bidang binaan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan adalah dijangka berkembang dengan memuaskan.

Matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat bagi mencapai perseimbangan kaum juga mendapat perhatian yang sewajarnya di dalam Rancangan ini. Matlamat kedua Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk mengujudkan masyarakat Bumiputra berkecimpung dalam perdagangan dan perusahaan terus mendapat perhatian seperti yang dikehendaki. Pengalaman selama 5 tahun menjalankan matlamat yang sukar ini akan digunakan sepenuhnya di dalam memperseimbangkan dasar-dasar dan rancangan-rancangan supaya dapat membantu dan mencapai bukan sahaja perseimbangan kaum di dalam tempoh masa yang ditetapkan tetapi juga matlamat perpaduan negara seluruhnya.

Matlamat yang terdapat di dalam keadaan negara yang berbilang kaum ini hendaklah dianggap oleh semua rakyat iaitu mereka yang kurang bernasib baik, rakyat Malaysia yang lain, Kerajaan dan "private sector"—sebagai satu matlamat

yang penting. Usaha-usaha yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan ini hendaklah diselaraskan dan disatukan ke arah tujuan yang sama dan bukannya ke arah pertentangan atau conflict. Persefahaman, pentafsiran serta pelaksanaan rancangan-rancangan dan dasar-dasar ini hendaklah diasaskan kepada tanggungjawab bersama, untuk faedah bahagian masing-masing dan untuk faedah negara.

Perkembangan-perkembangan ini hanya mungkin dapat dilakukan dalam suasana yang rasional dan keputusan yang teliti serta keyakinan di kalangan rakyat Malaysia serta lain-lain pelabur bahawa suasana ini akan dikekalkan dan digalakkan terus-menerus seperti disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga buku Rancangan Malaysia Ketiga. Dan juga sepertimana yang dinyatakan dengan jelasnya tentang tanggungjawab Kerajaan bagi melaksanakannya.

Pembangunan seperti itu memerlukan dedikasi sepenuhnya oleh semua rakyat Malaysia terhadap tugas mereka di masa depan serta terhadap tekanan asas pada Dasar Ekonomi Baru dan projek-projek di bawah Rancangan tersebut. Tugas dan tekanan pembangunan ini adalah ditegaskan dengan lebih jelas lagi daripada masa-masa lalu. Semua rakyat Malaysia, baik yang muda atau tua, hendaklah tampil ke hadapan menyahut seruan bagi menjamin ancaman kepada keselamatan negara dapat terus dibendung dan dihapuskan, serta kestabilan negara dapat dikekalkan untuk membolehkan semua rakyat meneruskan, dengan sabar dan berhati-hati usaha-usaha mencapai matlamat perpaduan dan keadilan sosial. Ini hanya mungkin dicapai melalui matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dalam hal ini, terutamanya belia-belia Malaysia perlulah melengkapi diri mereka dengan dayausaha dan pandangan jauh dalam bidang kemahiran untuk melibatkan diri dalam kemajuan pembangunan. Dengan cara ini mereka akan mendapat faedah besar bagi diri mereka sendiri dan di dalam proses ini, mereka akan menyediakan keupayaan dalam bidang pengurusan dan teknikal yang diperlukan dengan banyaknya untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan ini, kita mestilah jangan membenarkan perasaan prasangka, propaganda, atau hasad dengki seperti yang berlaku serta penyelewengan di masa-masa lalu di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang telahpun diperbetulkan dalam Rancangan ini, menghalang perspektif dan commitment kita terhadap tugas-tugas yang penting itu.

Tuan Yang di-Pertua, we should not let prejudices, propaganda and plain malice, nor the existence of certain deviations in the implementation of the New Economic Policy in the past which have been identified and corrected in the Plan, to cloud our perspectives of our commitment to these tasks.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita lakukan perkara itu, kita hanya akan menjadi mangsa kepada mereka yang berusaha bersungguh-sungguh untuk merosak dan menghancurkan kita sebagai sebuah negara yang mana rakyatnya mempunyai dedikasi kepada kebebasan dan kemajuan nasib dan masa depan negara kita bergantung kepada usaha kita sendiri. Dengan potensi kita untuk mencapai kemajuan sebegitu banyak kita tidak boleh membiarkan anasir-anasir ini membuat demikian.

Dengan Rancangan Malaysia Ketiga ini, haluan pembangunan itu dikekalkan perseimbangannya seperti yang ditegaskan di dalam matlamat-matlamat utama Dasar Ekonomi Baru kita. Saya ingin mengalualukan pendedahan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia keturunan Melayu, China dan India seperti yang ditegaskan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga berhubung dengan penyesuaian struktur dalam pekerjaan yang lebih ditegaskan di "Perspective Plan" bagi mencapai perimbangan di antara kaum. Kadar penyerapan mereka dalam rancangan-rancangan pembukaan tanah baru dan sektor perkhidmatan, terutamanya di dalam perkhidmatan awam, dalam masa beberapa tahun dahulu adalah sangat berkurangan bagi membolehkan mereka memenuhi secukupnya dalam peluang-peluang tersebut yang telah diwujudkan.

Dalam perenggan 580, 581 dan 582 di dalam Rancangan tersebut strategi bagi membetulkan keadaan ini telah ditetapkan

dengan berani dan jelasnya. Bukan sahaja rakyat bukan Melayu yang miskin disediakan peluang yang banyak di dalam rancangan-rancangan tanah awam, seperti FELDA dan lain-lain sektor pertanian yang produktif, malah satu rancangan perusahaan ladang baru akan dilancarkan bagi faedah rakyat miskin dari semua kaum, terutamanya untuk kumpulan keluarga miskin bukan Melayu sama-sama juga dengan orang Melayu. Ini akan membolehkan mereka bersama-sama dapat untuk menikmati lebih banyak lagi peluang daripada rancangan tanah baru dengan satu cara hidup yang lebih memuaskan. Ini sepatutnya dialu-alukan oleh setiap orang.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menyambut baik, jaminan yang terkandung dalam perenggan 582 dalam Rancangan tersebut terutamanya daripada mereka yang tinggal di ladang-ladang, untuk diberikan keutamaan yang lebih besar dalam institusi pelajaran tinggi berbanding dengan masa yang lalu. Kajian yang lengkap mengenai masalah penyerapan buruh di dalam berbagai sektor, telah juga dapat ditentukan tentang keperluannya, sepertimana yang disebutkan dalam perenggan yang sama dalam Rancangan tersebut. Ini akan memberi lebih peluang pekerjaan kepada masyarakat yang tidak dapat peluang di dalam sektor awam. Ini akan membantu usaha bagi mengurangkan kadar pengangguran yang tinggi di kalangan mereka.

Perubahan ketegasan Dasar ini, bersama-sama dengan kajian lengkap yang diadakan mengenai masalah-masalah yang mereka menghadapi, buat pertama kalinya dalam sejarah sejak ladang-ladang dibuka di Malaysia, akan dapat memberikan kelegaan kepada pekerja-pekerja di ladang-ladang Malaysia. Buat pertama kalinya, adalah diakui bahawa kedudukan penduduk-penduduk di ladang-ladang Malaysia hanya boleh diperbaiki dengan cara asas pendekatan yang luas. Cara pendekatan yang baru ini juga menekankan tentang tanggungjawab sosial dan undang-undang dari segi pengurusan ladang dan membolehkan Kerajaan memainkan peranan yang besar dalam memperbaiki nilai-nilai hidup dan peluang-peluang bagi keluarga pekerja-pekerja ladang. Dalam perenggan 540 dan 541 telah ditegaskan bukan sahaja kemudahan-kemudahan pelajaran di ladang-ladang

akan diperbaiki dan belia-belia ladang diberikan "occupational mobility" melalui latihan vokasional, malahan, keadaan-keadaan hidup berkeluarga akan juga diperbaiki, di samping menjamin bahawa pihak pengurusan ladang memenuhi tanggungjawab mereka terhadap kemudahan-kemudahan tersebut, iaitu kemudahan awam asas seperti kesihatan, bekalan air paip dan elektrik, serta juga pengangkutan. Sekim Pemilikan Rumah sendiri bagi pekerja-pekerja tersebut akan juga diteruskan.

Rancangan-rancangan yang disebutkan tadi akan membawa penduduk-penduduk ladang, yang sekarang ini terpencil, kepada arus pembangunan dan kemajuan negara yang sepenuhnya, di samping menyediakan peluang-peluang hidup yang lebih tinggi.

As is fully evident, Mr Speaker, Sir, the Third Malaysia Plan is a Plan for all our people, a gigantic opportunity for all to participate and derive benefits. It is truly the continued delivery to our people of the pledges that we in the Barisan Nasional have made. I would add my call to that of the Honourable Prime Minister, to Malaysians of all walks of life to welcome it and play their full and enlightened role in making the Plan a success.

Tuan Yang di-Pertua, segala ini membuktikan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga adalah satu Rancangan untuk semua rakyat Malaysia, iaitu satu Rancangan yang memberi peluang yang besar kepada semua bagi mengambil bahagian dan berhak mendapat faedah daripadanya. Inilah rancangan-rancangan yang disediakan untuk faedah rakyat, seperti yang diiktirafkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya suka untuk menambah seruan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada semua rakyat Malaysia, dari semua lapisan hidup, untuk mengalu-alukannya dan memainkan peranan mereka sepenuhnya bagi menjayakan Rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong, tetapi sebelum pada itu, saya hendak buat pesanan sedikit. Jika diperhatikan naskhah pelan ini dalam bahasa Inggeris dan

naskah dalam Bahasa Kebangsaan, kadang-kadang perenggan-perenggan itu di muka-muka yang lain. Jadi, di dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berbormat, saya harap bila hendak rujuk kepada mana-mana satu perkara, tolong rujuk kepada perenggan 500 atau 200 jangan kata muka sekian-sekian. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.40 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Kebangsaan, saya ingin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membahaskan Rancangan Malaysia Yang Kedua saya telah mengatakan rancangan tersebut ialah terlampau "optimistic" dan "euphoric" dan saya pun ada tegaskan apabila kita baca Rancangan Malaysia Yang Kedua kita telah dapat impression that Utopia was around the corner. Saya tidak mengatakan Rancangan Malaysia Yang Ketiga begitu "euphoric" tetapi saya hendak menyatakan Rancangan Malaysia Yang Ketiga ialah "optimistic" juga dan saya akan membuktikan apa yang saya sebutkan itu.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the document that we are debating today is a most important one. Its impact will be felt by all Malaysians, rich and poor, old and young, and of all races who live in this fair land of ours. The destiny of the nation and its peoples, not just for the next five years but for the next generation and after will be tied up with the Third Malaysia Plan. It is, therefore, of the utmost importance that its contents and underlying themes and objectives are studied to the fullest extent by all Malaysians who at this point of the nation's history are at the cross-roads of destiny.

Mr Speaker, Sir, it is indeed a matter of deep regret that this House has not been given enough time. Just now we heard what the Deputy Speaker has announced that the Leader of the Opposition will get 40 minutes and the rest of the speakers will get 30 minutes each. Sir, I wish to protest against this because the Government has taken 1½ years to prepare this document, but they

have given us only ten days to read this book which is over 400 pages and, after the hours of study that we have put in, they give us only half an hour each.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat, tentulah ramai Ahli-ahli yang hendak bercakap, sebab itulah Timbalan Yang di-Pertua menghadkan masa. Kadangkala kebanyakan Ahli-ahli bercakap merayau dan repeat. Dalam masa setengah jam banyak boleh dipercakapkan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, itu saya tentu memahami. Wakil dari Kota Melaka dan saya sendiri pun ada menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan buat salinan kepada Tuan Yang di-Pertua, dan kalau kita

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham Yang Berhormat, jika sekiranya dekat-dekat hendak akhir dalam Dewan ini ada banyak lagi Ahli-ahli yang hendak bercakap tak dapat peluang bercakap, tentu Tuan Yang di-Pertua akan timbangkan seperti memanjangkan masa atau lain-lain. Kita tengok dahulu.

Dr Tan Chee Khoon: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bercakap banyak dalam Bahasa Kebangsaan. Ini selalu sahaja hendak teruskan dalam bahasa Inggeris.

Dr Tan Chee Khoon: Saya akan bercakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua: Pada tahun lalu saya ada membuat pesanan minta Ahli-ahli Dewan bercakap dalam Bahasa Kebangsaan. Cuma dibenarkan bercakap dalam bahasa Inggeris apabila ada perkara-perkara technical expression yang payah disebutkan dalam Bahasa Kebangsaan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, kita telah melaksanakan empat rancangan mula-mula Rancangan Malaya dan kemudian Rancangan Malaysia dan saya tidak menafikan ada kemajuan. Kita ada tengok Kerajaan telah membina sekolah, hospital, jalan dan sebagainya, itu saya mengakui. Tetapi, saya tidak boleh

menafikan juga miskin di tanahair kita seperti petani, nelayan, setingan-setingan di bandar makin lama makin teruk keadaannya dan makin lama makin kurang pendapatannya. Seperti yang boleh didapati dalam Treasury Memorandum the poorest 20% of the households in this country their income has fallen; pendapatannya dikurangkan daripada \$63 pada tahun 1957 kepada \$54 pada tahun 1970. Ini menunjukkan pendapatan rakyat di tanahair kita telah dikurangkan bukan dari segi peratus sahaja tetapi in absolute numbers. Kerajaan boleh menyatakan tentulah ada perbezaan pendapatan daripada tahun 1970 hingga sekarang (1976). Tetapi pada pendapat saya dan pada pendapat banyak economist yang mahir di tanahair kita tiada perbezaan yang begitu besar tentang pendapatan yang disebutkan di dalam Treasury Memorandum di dalam kertas Charles Hirschman dan S. Anand daripada Bank Dunia dan ini menunjukkan walaupun kita ada melaksanakan empat rancangan Malaya dan Malaysia, billion ringgit yang dibelanjakan itu tidak menaikkan atau membuat apa-apa perubahan tentang kehidupan miskin di tanahair kita.

Mr Speaker, Sir, the 7.1% average growth attained in the Second Malaysia Plan has made little material difference to the poor in this country. Indeed, the attainment of this rate of growth was brought about by fortuitous developments in the world economy not under the control of this Government. The 1973/1974 boom was largely responsible for this rate of growth. If allowance is made for the effects of this boom and the subsequent recession of 1975, the rate of growth would be substantially lower. The Government can only claim credit for the economic performance in the last five years with tongue in the cheek. Even granting that there is growth, the facts are obvious that the poor in this country, as I have stated before, Mr Speaker, Sir, are no better off today than they were when we attained independence.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan tentang implimentasi. Very little reference is made in this Plan to the implementation capacity of the Government machinery and no reference is made at all to the evaluation of projects. Nampaknya

Kerajaan kata di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ada projek ini, ada projek itu, hey presto, projek itu boleh dilaksanakan. Tetapi kita sedar, bukan begitu senang untuk melaksanakan apa-apa projek yang perlu and on the top of that, Tuan Yang di-Pertua, apabila projek itu telah dilaksanakan kita mesti buat evaluation tentang apa yang telah dibuat, has it met the standards or has it met the criteria that we have set out? Sir, this is very important. Ini yang paling mustahak bukan daripada segi implimentasi sahaja tetapi daripada evaluation oleh sebab Rancangan Malaysia Ketiga langsung tidak ada sebut tentang evaluation. Saya akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan menubuhkan satu Evaluation Unit at the Prime Minister's Department, so that whenever a project is completed, then we can evaluate it. Since development is a continuous process in this country, we must have a permanent Unit in the Prime Minister's Department to monitor evaluation or to monitor implementation or to monitor all our projects under this Plan, and, we hope, in any subsequent Plans as well.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah sebut tentang makin lama makin bertambah kemiskinan terhadap si miskin di tanahair kita. Dan tujuan rancangan ini dan rancangan akan datang antaranya ialah untuk menghapuskan kemiskinan di tanahair kita dan di dalam rancangan ini, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga, malangnya Kerajaan telah sentuh tentang kemiskinan (poverty).

Mr Speaker, Sir, unfortunately, although this Plan talks about 49.3% of the people of this country have been below the poverty line in 1970 it does not give us a definition of what the "poverty line" is. Mr Speaker, Sir, this is a very important thing. Presumably the Government knows what the poverty line is but it has taken the trouble to hide this fact from the Third Malaysia Plan so that the country at large can only guess what poverty line is, although we know that 49.3% of the people of this country are below the poverty line. But be that as it may, from all the available statistics that have been published—Chapter IX on poverty eradication is the most interesting and the most damaging indictment and admission of the failure of the

Government in the meaningful tackling of the most important problem facing this nation, i.e. the eradication of poverty.

Mr Speaker, Sir, this chapter begins by referring to the nature of poverty by relating it to various deficiencies in absolute standard of living. In paragraph 489, an attempt is made to define poverty. There is even talk of a poverty line income; there is even a jump to the quantifying of the households in poverty and there is the stark statement that 49.3% of all households in Peninsular Malaysia received incomes less than the poverty line in 1970. But nowhere in this chapter or for that matter in the entire Plan is there any reference or hint of what poverty line is. The Government is insulting the intelligence of every Malaysian by not stating what the poverty line income is in terms of dollars and cents. To have done all the fine calculation and the presenting of the 3 tables in Chapter IX, a poverty line must have been calculated. The entire framework of the Plan rests on this figure and we are denied the figure. This is like staging Hamlet without the Prince, Mr Speaker, Sir. The public may be naive but it is not made up of fools. If this is the capability and integrity of Government planning then it is indeed a sorry day for Malaysia. The Government cannot but deserve to be condemned in the strongest terms for this great hoax that is being perpetrated. Its credibility must sink to the lowest level both domestically and internationally for this stupidity and incompetence. Where are the economic wizards of the E.P.U. and the Treasury leading us to, or is this the great contribution of the super economists of the new Cabinet who have overall control of the writing of this Plan.

I throw an open challenge to the Ministerial Benches to indicate to this House and to the public at large how the calculations of the numbers in poverty could have been done without the benefit of the yardstick of a poverty line. Any banker or financial accountant who had taken a similar approach in the evaluation and position of a company would have found himself facing criminal charges. On this basis alone, this Plan stinks to high heavens as the basis foundations of this Plan become suspect.

Tadi saya telah sentuh tentang kemiskinan. Saya hendak mengatakan the

root cause of poverty dan perkara yang penting terhadap kemiskinan di tanahair kita khasnya terhadap kemiskinan di luar bandar (rural poverty) is because un-economic size of the holdings brought about by sub-division of land and the mass of people who are landless.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini, saya telah beberapa kali telah menyentuh supaya Kerajaan buat land reform di tanahair kita; kita sedar di tanahair kita, tanah untuk dimajukan oleh kaum petani, yang pertama mereka tidak mempunyai tanah dan mereka sewa dan tanah itupun terlampau kecil. Oleh itu pendapatannya pun kecil juga dan apa-apa yang dibuat oleh Kerajaan melalui beberapa rancangan tidaklah berguna, melainkan Kerajaan membuat land reform—mengumpulkan tanah supaya si petani ada tanah yang cukup untuk dimajukan oleh mereka. Now I do know the landed people in this country are very strong and powerful. Tetapi untuk menghapuskan kemiskinan di tanahair kita, Kerajaan perlu dan terpaksa membuat land reform di tanahair kita. As regards the other poverty groups identified in Chapter IX, there are the estate workers, other agricultural workers which number 115,000 households, new villagers which number 85,000 households, etc. Mention is also made of 108,000 households in urban areas which are considered poor in terms of the mythical yardstick of the poverty line.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyentuh tentang pekerja-pekerja di ladang-ladang. The Plan will pay particular attention to the provision of educational facilities, housing and basic amenities tetapi malangnya di dalam rancangan ini Kerajaan tidak menetapkan berapa Kerajaan akan menguntukkan kepada si pekerja ini di dalam ladang-ladang getah kita atau ladang-ladang kelapa sawit untuk rancangan-rancangan kemajuan. Ini membuktikan bahawa rancangan ini tidak begitu lengkap.

Kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, 85,000 households in new villages will now get \$19 million. It is indicated that the opportunities for youth in new villages would be opened up through vocational training. Given that the available places for such training are unlikely to increase from only 14,338 at the end of 1975 to 25,920 in 1980, the possible number who could be taken in from the new villages and estates would be

small given that bumiputra intake would have to be taken into consideration so that, Tuan Yang di-Pertua, as I will probably come to it a bit later, this allocation (peruntukan) sebanyak \$19 juta ini terlampau kecil untuk Kampung-kampung Baru yang berjumlah 500 buah di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, a paltry \$30 million telah diuntukkan untuk petty traders dan kita dapat tahu \$50 juta telah diuntukkan bagi perumahan.

The Plan talks of social justice, equity and other concepts which have a progressive connotation. Yet the allocations that have been made do not meet with these yardsticks. Tuan Yang di-Pertua, as I have mentioned before, 85,000 new village households diuntukkan \$19 juta akan tetapi 26,000 keluarga nelayan-nelayan di tanahair kita telah diuntukkan \$268 juta dan 10,000 orang keluarga Orang Asli telah diuntukkan \$22 juta. Ini menunjukkan priority untuk Kampung-kampung Baru yang mempunyai penduduk lebih 1 juta orang tidak mencukupi. Saya hendak memberi contohnya; ada sebuah kampung di Jinjang di kawasan saya, Jinjang terlampau besar antara Kampung-kampung Baru di seluruh negara kita. Bilangan penduduk-penduduknya lebih daripada 50,000 orang sekarang. Oleh sebab Jinjang has been neglected during the past two decades, maka jalan, longkang, pasar dan lain-lain kemudahan-kemudahan tidak mencukupi. Saya telah membawa pegawai-pegawai daripada Dewan Bandaraya untuk menyiasat perkara ini dan mereka mengatakan perlu berbelanja berjuta-juta ringgit untuk memperbaiki keadaan itu.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita benar-benar hendak memperbaiki jalan, longkang, membina pasar dan sebagainya, \$19 juta yang diuntukkan kepada 500 buah Kampung-kampung Baru di tanahair kita tidak cukup untuk satu kampung iaitu kampung di kawasan Jinjang. Ini menunjukkan peruntukan ini langsung tidak mencukupi. Apabila kita membabaskan Rancangan Malaysia Kedua dahulu, saya telah menyatakan di dalam Dewan ini bahawa saya menyokong apa yang diperuntukkan kepada MARA, PERNAS, UDA dan juga sebagainya. Tetapi apa yang saya berasa kesal di dalam

Rancangan Malaysia Ketiga tidak ada satu rancangan untuk orang miskin yang bukan bumiputra.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ada rancangan iaitu sebanyak \$19 juta untuk Kampung-kampung Baru, \$30 juta untuk setinggan dan petty traders di dalam bandar, tetapi ini langsung tidak mencukupi. Saya telah mengira apa yang diuntukkan, dan di sini saya akan membacanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, saya telah mendapati PERNAS—\$323 juta, MARA—\$315 juta, SEDCs—\$420.8 juta, UDA—\$217 juta dan MARDEC—\$132.3 juta. Kalau kita kira semua rancangan untuk kaum Bumiputra, Kerajaan akan membelanjakan \$2 billion untuk kaum bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuh-penuhnya terhadap perbelanjaan untuk kaum bumiputra, tetapi kalau kita bandingkan apa yang diuntukkan kepada orang yang bukan bumiputra, kita dapati bahawa \$19 juta untuk Kampung-kampung Baru, \$30 juta untuk petty traders di bandar, barangkali peruntukan \$500 juta untuk perumahan dan sebahagiannya itu akan dibelanjakan untuk si miskin yang bukan bumiputra. Saya tegaskan di sini bahawa \$19 juta untuk Kampung-kampung Baru langsung tidak mencukupi dan saya mencadangkan bahawa Kerajaan perlu menambahkan \$400 juta sehingga Rancangan Malaysia Ketiga sekarang akan dinaikkan sehingga \$19 billion, dan kelebihan \$400 juta ini diuntukkan kepada rancangan kemajuan kepada Kampung-kampung Baru di tanahair kita dan kita jangan salah faham di antaranya ada Kampung-kampung Baru yang terdiri daripada bumiputra dalam Negeri Trengganu dan Kelantan. Kalau Kerajaan menerima cadangan saya iaitu peruntukan \$400 juta kepada kemajuan di Kampung-kampung Baru, ini menunjukkan Kerajaan is able to receive cadangan yang constructive and is able to fulfil the hopes and aspirations of the one million plus new villagers throughout the country.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang penyusunan di tanahair kita dan Kerajaan telah mengatakan di dalam corporate sector as the Prime Minister has pointed out just now, the Government has achieved a 7.8% ownership

of the corporate sector by bumiputras tetapi this has fallen short of the target of 9%. Now the Chinese had, in 1975, achieved 37.3% of the share capital in the corporate sector as against the target figure of 40% by 1990. Thus I wish to seek a clarification from the Government whether this implies that once the 40% is reached, the Chinese will have to hold back to enable the bumiputras to catch up. I urge the Government to clarify this position as it is vital to the nation to know the intentions of Government. If the intention is to hold them back, then it will have wide repercussions for further growth and investment. This in turn will affect the future pattern of development. But, if on the other hand, no curbs will be imposed, how then is the target of 30% of bumiputras going to be achieved? A clarification by the Government Benches will be welcome, Mr Speaker, Sir.

Mr Speaker, Sir, the Second Malaysia Plan saw an increase in corruption and high-handedness in public officials. The Third Malaysia Plan document makes little reference to these features. If public officials continue to interpret and implement policies suiting their individual sectarian views, then this is as subversive as anything else that can be described by that word.

I urge the Government, Mr Speaker, Sir, to put its house in order by curbing and checking the extremist elements in the Civil Service who view everything in a racial context. Saya akan mengalu-alukan Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah bertungkus-lumus menyiapkan Rancangan Malaysia Ketiga.

A whole chapter has been devoted to the need for streamlining the planning and implementation machinery of government. As in the Second Malaysia Plan and its Mid-Term Review the usual pious sentiments are expressed while inefficiency corruption and bigotry continue to grow like cancer. The public service has grown at a faster pace than anything else in this land. This is costing the public billions. It is a matter for deep regret that no mention is made of reforming the public services as a whole so that the public will get value for money.

In recent years the Government has been infiltrated by extremist elements who believe and practice race bigotry. It is indeed alarming that key organs of the government machinery have been captured by these dangerous individuals. They are from the Prime Ministers' Department, the I.C.U., the Public Services Department, the Ministry of Trade and Industry and a few others who shall not be named. These officers act with hostility towards non-bumiputras and call them names and manipulate the rules.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang perkhidmatan professional.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang, waktu hanya ada dua minit lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Yang Teramat Mulia bekas Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra telah menjamin di dalam Dewan ini apabila seseorang pegawai memasuki perkhidmatan Kerajaan, peluang terbuka kepada mereka semua, the chances of promotion are the same. But, Mr Speaker, Sir, unfortunately they are not the same and as you can see in the professional services, not to say of the other services, the non-bumiputras have very little chance of reaching the top. Apparently, Tuan Yang di-Pertua, a few posts are going to fall vacant this year and I hope that the Government will take into consideration the experience, the seniority and the ability of the officers when they fill these vacancies which are about to occur.

Tuan Yang di-Pertua, this Third Malaysia Plan is replete with tables and charts and give us the racial breakdown of employment investments, etc., but it has one great omission. It does not give us the racial breakdown of Government employees. Why is the Government so reluctant to do so? What is the Government trying to hide?

The Government is the largest employer in this country today. One out of every seven Malaysian worker is on the payroll of the Government. Yet, the Plan gives no details of the employment by race in the Government Service. If employment in the Malaysian economy is to be restructured by 1990 to reflect racial proportions, this must equally apply to the Government as well, with the exception of those services where

the Constitution lays down quotas. In recent years recruitment has been distorted and we are fast approaching the situation when the public services will be overwhelmingly bumiputra. This is not in the spirit of the New Economic Policy. This House and the public are entitled to know what is happening. Why is the Government hiding these figures? I ask the Government to make these figures available by way of a Command Paper at the next sitting of the House, so that the country can know the truth of the matter.

It is no secret, Mr Speaker, Sir, that the hopeful non-Bumiputra school leavers and the University graduates are all so frustrated as they find it so very difficult to get jobs. Many of them keep on trying year after year to get a job.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Dr Tan Chee Khoo: Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan untuk jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan, patutlah Kerajaan menguntukkan sekurang-kurangnya 30% pekerjaan kepada non-bumiputra. That means, Mr Speaker, Sir, that at least then the non-bumiputra who apply for the job know he has approximately one in three chance of getting a job; otherwise they all know that when they apply for a job only one or two person are taken in. This Mr Speaker, Sir, is not acceptable, and I hope the Government will accept my suggestion because it is below the 45% that the non-bumiputras form in this country. This of course does not include the jobs where there are quotas as laid down by law.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan menerima cadangan saya ini, then I will say it will give hope to thousands of Malaysians in this country because they can have a one in three chance of getting a job. Right now they cannot get a job and their stomachs are empty. What will they do? They either leave this country if they had the qualification or they may be attracted to the jungle and then you spend millions and billions and \$2.2 billion is provided in this Third Malaysia Plan to improve the security position.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, if the Government accepts my proposal to have an Evaluation Unit, accepts my proposal to have 30% of the public services, except those which had set quotas, for non-bumiputras, if the Government accepts my proposal to have \$400 million for the New Villages, then I maintain, Tuan Yang di-Pertua, that millions of Malaysians can look forward to a happier, richer and fuller life.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat akan berucap dalam Bahasa Malaysia, jangan bercakap lebih sangat dalam bahasa Inggeris. Ini sebagai kebenaran yang khas untuk perbahasan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, boleh berucap campur-campur. Kalau tidak mesti 100% dalam Bahasa Malaysia. Jadi, saya harap Yang Berhormat membanyakkan ucapan dalam Bahasa Malaysia. Kalau ada apa-apa perkataan teknikal boleh bercakap dalam bahasa Inggeris.

6.16 ptg.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia. Di sini saya suka menarik perhatian Dewan bahawa baru sebentar tadi kita telah mendengar Usul daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbunyi:

"Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatupadu, aman damai, saksama, maju dan kukuh."

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir rakyat bersetuju Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi rakyat ada suatu soalan yang sangat mustahak dan asas. Soalannya ialah adakah Rancangan tersebut mengandungi harapan dan aspirasi rakyat Malaysia. Ini sedang dalam pemikiran orang-orang yang berminat mengenai masa hadapan dan kebajikan rakyat dan negara kita. Rancangan Malaysia Ketiga terpaksa dikaji dan dibincang

untuk menentukan samada rancangan tersebut benar-benar akan membawa faedah kepada setiap rakyat Malaysia, terutama sekali mereka yang miskin samada rancangan tersebut menggambarkan satu penilaian yang bijak tentang keperluan-keperluan politik, sosio-ekonomi dan kebudayaan rakyat jelata dan samada rancangan tersebut boleh dilaksanakan dengan efektif supaya nikmatnya boleh dirasakan oleh seluruh rakyat.

Rancangan Malaysia Ketiga telah diberi terlampau banyak publisiti dan ianya digambarkan sebagai satu rancangan besar untuk membasmi kemiskinan dan terlalu banyak perhatian dan Perancangan telah diberikan kepadanya. Rancangan tersebut adalah lebih komprehensif dan ianya mengandungi muka surat yang dua kali ganda daripada Rancangan Malaysia Kedua iaitu 430 muka surat daripada 266 muka surat.

Matlamat yang didapati oleh majalah "Far Eastern Economic Review" menyatakan terdapat konsesi-konsesi untuk orang-orang bukan Melayu yang memerlukan rancangan dan ini adalah sebahagian daripada rancangan untuk mobilisekan mereka di dalam peperangan keselamatan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dilapur berkata semasa Perhimpunan UMNO baru-baru ini bahawa terdapat orang-orang yang memikirkan Rancangan Malaysia Ketiga hanya akan menguntungkan segolongan rakyat iaitu orang-orang Melayu sahaja. Sangkaan ini adalah salah dan jahat, katanya. Lapuran-lapuran seumpama ini akan menunjukkan bahawa terdapat satu sikap liberal and enlightened oleh Kerajaan. Kita mesti mengkaji Rancangan Malaysia Ketiga untuk menentukan samada satu perubahan sikap telah dibuat untuk menimbang segala rakyat Malaysia dan samada batuasas-batuasas sedang diletakkan untuk membasmi kemiskinan dan ketidak samaan sosial yang berbagai jenis. Adalah tidak boleh dinafikan bahawa kemiskinan, pengangguran, kekurangan perumahan, kekurangan zat makanan dan kekurangan kemudahan-kemudahan sosial di berbagai tempat di negara kita adalah masalah yang serious dan sekiranya masalah ini tidak diatasi dengan secepatnya maka akan terdapat kemungkinan berlakunya kegelisahan politik dan sosial dan juga kekacauan ~~keganasan~~ di negara kita.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, billions of dollars have been spent for the First and Second Malaysia Plans, but it appears that the result show that there has just been a mere scratching of the surface of the problem.

At the end of the First Malaysia Plan in 1970, 58.7% of households in rural area were living below the poverty line as compared to 54.1% at the end of the Second Malaysia Plan in 1975. The overall percentages were 49.3% and 43.9% respectively. The reduction of poverty was very minimal—a few percent only. At the end of last year, 1975, out of 3,250,000 households in Peninsular Malaysia, 49% or 1,565,000 households have incomes forcing them to live below the poverty line.

This is the stark fact of life and I hope it will, or should, jolt the Government Benches from smugness and self-complacency. The huge majority of Barisan MPs in this House is not important. What is significant and ominous is that 49% households in Peninsular Malaysia are poor and living from hand to mouth.

The rate of unemployment is still very high. As a percentage of the labour force, it was 7.4% in 1970, 7% in 1975 and estimated to be 6.1% in 1980. These are, in my opinion, over-optimistic figures and the trade unions themselves claim otherwise stating the more correct figure is around 10% or 12% as of today. It would also appear that there is going to be a long period of chronic unemployment for many, because full employment is only expected to arrive in 1990 or thereafter.

Meanwhile, the unemployed, especially youths remain idle and are easy prey for drug traffickers and susceptible to the politics of violence and desperation.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dasar untuk menyusun semula rakyat supaya terdapat integrasi orang-orang Melayu, China dan India di dalam segala lapangan aktiviti ekonomi telah menghadapi kegagalan. Memang benar lebih ramai orang-orang Melayu terdapat di kawasan bandar dan penghijrahan mereka dari kawasan luar bandar tetapi mereka masih miskin, menganggur dan tinggal di kawasan-kawasan setinggan di bandar-bandar yang besar.

Tetapi sebaliknya terdapat juga peng-hijrahan orang-orang bukan Melayu dari kawasan bandar ke luar bandar kerana rancangan-rancangan FELDA ditutup bagi mereka. Adalah tidak boleh dinafikan rancangan-rancangan FELDA, FELCRA dan RISDA telah memberi tanah kepada beberapa ribu keluarga tetapi bagaimanakah dengan beribu-ribu petani dan yang tidak mempunyai seinci tanah pun dan mereka ini cuma tinggal di bawah taraf kemiskinan. Saham-saham corporation adalah dinyatakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua, orang-orang individual Melayu dan syarikat Melayu telah menambahkan pemegangan saham mereka sebanyak 43.6% di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan mereka telah mendapatkan 53.1% saham-saham capital baru-baru di antara tahun 1971 sampai 1975. Akan menjadi satu perkara yang amat menghairankan juga jika nama pemegang-pemegang saham tersebut diumumkan. Adakah mereka ini petani, nelayan atau pekerja? Mungkin tidak, kerana ramai tycoon-tycoon Melayu yang telah membolot saham-saham tersebut. Maka dengan ringkasnya Dasar Ekonomi Baru telah tidak menguntungkan orang-orang Melayu yang miskin tetapi hanya telah menguntungkan satu kelas "elite" Melayu yang kaya.

Tuan Yang di-Pertua, besides water, electricity and communications, a roof over the head is considered a basic necessity. This crying need is amply demonstrated by the number of Chinese, Malays and Indians who live in small rooms in urban slums or makeshift houses in squatter areas. A family without proper shelter feels insecure and cries for justice.

During the Second Malaysia Plan, about 250,000 units of houses were built, and only a third or 86,000 by the Government, presumably low-cost housing. This is chicken feed and hence the predominance of squatter areas around towns and cities, with a teeming population bursting at the seams, aggravated to a great extent by the migration of rural youths hoping for a better life in the cities. An unhealthy situation is developing, and unless low-cost housing construction is speeded up, the situation will become critical and explosive.

It is a sad fact, Tuan Yang di-Pertua, that national unity is still very much a dream despite 19 years of Merdeka and

some 13 years since Malaysia Day and despite also two Malaysia Plans and billions of dollars being spent. The previous Plans failed to forge national unity because in the planning and also in the implementation, the powers that be forgot that this is a multi-racial society and as such a multi-racial approach must be adopted.

The need to help the poor Malays was recognised and implemented. Unfortunately, the need to help the non-Malay poor was not considered really important. Accordingly, job emplacements in the Administration, Government and Health Departments and other Departments were quite biased, and a small percentage of non-Malays were allowed in. The intake of students into tertiary institutions was another mad example, and it came to such an extent that a small riot or protest was organised by some Indian students at the University of Malaya.

Then again, Tuan Yang di-Pertua, the composition of the Police and Armed Forces is another case in point. Here is an area where with judicious selection of recruits from all races, there are endless opportunities for forging racial understanding and unity and for cultivating that strong sense of oneness which is so sorely needed when the time arrives for that show of strength and determination to defend the nation against any form of aggression.

The D.A.P. in this House had called time and time again for the institution of National Service, where youths of all races are called up and trained for a specific number of years, after which they may opt for a military career or return to civilian life. Had the D.A.P. call been heeded the sense of oneness and unity will be much more evident today. Indeed our call is in keeping with Government policy to restructure society. It is therefore strange that the Government definition of restructuring stops short of certain areas, which seem to be off limits to non-Malays, such as the Civil Service and the Armed Forces.

Tuan Yang di-Pertua, the national education system aims to make Bahasa Malaysia the main medium of instruction and by 1980 all national primary and secondary schools will use Bahasa for all subjects except English which will be a second language.

While it is appreciated that Bahasa Malaysia shall be a common and official language, Malaysian parents will feel happier if:

- (1) more attention will be given to the mother tongues of their children; and
- (2) a few more subjects will be taught in English other than the language itself.

It is a fact of life that many Malaysians of Chinese origin prefer to have their children receive their education in the mother tongue besides mastering Bahasa Malaysia. This is a legitimate aspiration and quite expressly stated in the Federal Constitution. It is also shown by the increasing popularity of independent secondary Chinese schools. This natural inclination and wish on the part of parents has been expressed many times in this House by the D.A.P. and also by direct representations to the Minister of Education by the Chinese School Teachers' Association and the Chinese Schools Boards of Governors' Association. It is a matter of regret that these aspirations have been ignored and are still being ignored.

With a little accommodation and imagination, these cultural needs can be incorporated as part of the national education system. As long as the principle is accepted that the child can receive an education both in Bahasa and in his mother tongue, other details will fall into place, and a sizeable proportion of school children can join the mainstream of a comprehensive national education system. A good education system cannot be rigid but must be flexible to meet the needs of changing times and circumstances. Let us not forget that in promoting a national identity and culture, we must also respect and keep those cultures belonging to the diverse races that make up a vibrant and colourful Malaysia.

Pada masa yang akan datang sesuatu approach yang Malaysian ataupun bersifat berbilang kaum harus diikuti apabila menghadapi masalah-masalah kebangsaan. Pelaksanaan dasar-dasar harus dibuat dengan menentukan bahawa tidak ada sesuatu kaum atau community merasa kehilangan sesuatu. Sejauh ini peperangan terhadap kemiskinan dan pembahagian kekayaan yang tidak seimbang telah dilakukan dengan menggunakan banyak wang tetapi dengan kekurangan

kecekapan. Ini telah menyebabkan rasa frustrasi dan kegelisahan di kalangan rakyat jelata. Keadaan seumpama ini adalah membahayakan dan boleh dieksploitasikan oleh anasir-anasir radicalism dan kekerasan. Gurila-gurila sedar yang rakyat di negara ini merasa gelisah dan mereka merasa sangat gembira kerana keadaan seumpama ini. Inilah yang mereka kehendaki tetapi nampaknya keadaan ini belum meningkat kepada satu peringkat revolutionary tetapi nampaknya nyaris akan sampai.

Tuan Yang di-Pertua, the Minister of Home Affairs has said that the security situation is serious but under control. On Friday the 16th July, 1976 Tan Sri Mohamed Haniff bin Omar, Inspector General of Police said the same words. If this is the actual situation, then there is more latitude for the Third Malaysia Plan to manoeuvre. More finance can be channelled for development to better the lot of the people, and equally important more time can be available to implement the development programmes. It would be tragic, Tuan Yang di-Pertua, if a Vietnam situation were repeated here, for it would mean an unholy loss of lives, human tragedies, time wasted and a shameful wasteful diversion of funds on guns and ammunition which could have been used for bread, butter and development. If a second Vietnam is to be averted, then there must be a 180 degree turnabout from the politics of disillusionment to the politics of progress and justice. In the past, previous policies have bred discontentment and dissatisfaction, as evidenced by the many who have gone underground or become jungle guerillas. Malays have joined the insurgents influenced by their ideology or frustrated by the grinding poverty they see around them. Revelations by detained Malay journalists about the Malay network were stunning, and the public eagerly awaits whether more will be told about the Malaysia connection. There is a battalion of Malay guerillas along the Kelantan-Thai border, whose strength is anybody's conjecture. There are signs indicating a possible change of character of the guerilla movement into an indigenous multiracial organisation. Under such circumstances, the Government has a definite and serious problem to face. Malay impregnability to communism is in question now simply because poverty or an empty stomach

renders a person more susceptible to promises of a better life. There will have to be much soul searching and a thorough reappraisal of the Government's policies and its administrative and implementation machinery. The battle for the hearts and minds of the people will have begun in earnest.

THE THIRD MALAYSIA PLAN—A NEW PRONG IS VITAL:

The New Economic Policy with the overriding objective of national unity seeks to eradicate poverty among all Malaysians and to restructure Malaysian society so that the identification of race with economic function and geographical locations will be reduced and eventually eliminated. The Third Malaysia Plan as a whole represents the beginning of an awareness of the realities of a multi-racial Malaysia and the growing political and socio-economic crisis. While the Plan indicates wise new thinking, it however lacks the full thrust required for achieving a fair and just society. Much planning, I am told, has been made in the Plan, but a more supreme effort is required. A new prong is essential. It is to endeavour to give every household a firm tangible stake in the form of a house or a piece of land which they can call their own. It will contribute greatly to stabilise the political and social climate and sweeten the ground to make it amenable to democratic evolution but hostile to the politics of violence.

Reading further into the Third Malaysia Plan, Tuan Yang di-Pertua, it would appear that there is a realisation that poverty is not the prerogative of any one race and that while Malays are poor, especially rural Malays, there are also poor non-Malays both in the urban and rural areas. There appears also the determination to tackle poverty on a broad basis to embrace Malaysians of all ethnic origins. This is indeed welcome, and no one need quarrel about it.

However, the second prong of restructuring society is spelt out quite vaguely and incompletely. Everyone would like to see Malaysians of all races participating in all spheres of political, economic and social activities. Malays are welcome to enter the business and commercial fields. It is noted that non-Malays will be encouraged to participate in FELDA schemes and give poor rural non-Malays new hopes and a new

lease in life. This is welcomed. It is not clear whether the distribution of wealth will be distributed fairly and not be in the control of a few rich and powerful persons with connections. There should be some guidelines to ensure that the wealth percolates down to lower income groups. The Third Malaysia Plan, Tuan Yang di-Pertua, is silent on the matter of restructuring society vis-a-vis the Armed Forces and the Police. This should not be, because defence should also be the responsibility of non-Malays as well as Malays, and moreover it is one vital area which can promote speedily integration and also racial understanding.

Tuan Yang di-Pertua, the Third Malaysia Plan, in Paragraph 287 states that "The evolution of a Malaysian national identity will be based on an integration of all the virtues from the various cultures in Malaysia, with the Malay culture forming its core". Viewed from this aspect, then the national education system requires a re-assessment and re-examination to determine how the mother tongues of the various communities can be used more effectively. This is the wish of parents and the various communities. Bahasa Malaysia and the mother tongues may be taught side by side in these schools to produce more rounded and bilingual students.

Tuan Yang di-Pertua, the post-Vietnam era has brought a sense of urgency. There is much less time allowed to show results. Under the circumstances, the foundations for building a fair and just society must be clear and complete. Everyone must be given a stake in the country. Politically, he must be given the right to vote and speak without fear or favour. Economically, there must be land for the peasant and job for the unemployed and a decent house to shelter, for the poor to stay in. He must not be allowed to be culturally deprived. If these things are looked after through brave and enlightened policies in the Third Malaysia Plan, which in my opinion is only half enlightened, then the country can look forward to a situation where no one need feel desperate to resort to armed struggle to achieve a just society.

Tuan Yang di-Pertua, there are however problems of implementation. There is a saying which goes, "There is many a slip between the cup and the lip". Many a well

planned scheme has come to nought because of the failure of implementation. The problem is how to put to life, into action, those objectives as stated in the Third Malaysia Plan and deliver the goods to the people.

As I see it, the principal barriers to successful implementation of the Third Malaysia Plan are:

- (1) Corruption,
- (2) Lack of dedicated and skilled persons or bodies,
- (3) Lack of communication, or non-cooperation from the people,
- (4) Finance.

On corruption, this was, has been and will be the biggest bugbear to successful implementation of the Third Malaysia Plan. Some \$44 billions are estimated to be spent over the next five years, and it can be estimated that a sizeable percentage may be shunted away to the detriment of the people. The examples of the countries around, even neighbouring countries, are many, where money meant for development went into pockets of their leaders causing poverty and therefore social unrest. Vietnam under Thieu and other decadent generals were so corrupt that in the end all was lost because there was no political will left among the people. The situation here may not be that bad but nevertheless it is prevalent enough to be a national danger. The N.B.I. must do its job without fear or favour. It should be a completely independent body in order to weed out the corrupted, especially those in high places. To eradicate corruption, the example must come from the leadership, or those in the lower echelons may tend to imitate their masters. Therefore, there should be a complete clean up of the top leadership immediately. If society is to change for the better, swift surgical excision of cancerous elements must be made.

On dedicated personnel, everyone engaged in the Third Malaysia Plan must be filled with ideological fervour to enable them to put the plans into action. Time is of the essence here. Decisions must not only be carefully thought out, but swift action taken. Regular teach-ins sessions or brain-washing sessions must be given to those who are in charge to administer and implement the Plan.

Tuan Yang di-Pertua, grassroots co-operation is very, very important. This is absolutely essential to ensure development programmes are understood, implemented and feedback information or progress reports are given. It is also necessary to establish a close rapport or understanding with the people, record their demands and to monitor the pulse of the nation. In this respect there is a serious gap in the democratic set-up. There is, in fact, a communication gap between the people and the Government. There are at present no more local council or village level elections. The grassroots have faith in their elected leaders but not in the appointees of the Government, who may even be viewed with suspicion.

Tuan Yang di-Pertua, lastly, the Government will raise \$18 billions from revenues and loans. The private sector is expected to invest \$26 billions in the Third Malaysia Plan. This will depend on the export performance of rubber, palm oil, tin, timber, petroleum and manufactured goods, which will depend on the world market. Tuan Yang di-Pertua, to attract more investment, Government laws should help and guide but not hamper potential investors. The Industrial Co-ordination Act has deterred many investors. Above all, finally, the Government should foster a stable investment climate by wise political, social and cultural policies, because these are the things that really matter in the battle for the hearts and minds of the people.

6.43 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketiga dan sebab-sebabnya saya menyokong itu ialah kerana usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diasaskan di atas kejayaan-kejayaan dan pentafsiran-pentafsiran yang telah berlaku pada Rancangan Malaysia Kedua. Dan juga usul ini adalah merupakan satu usul yang membawa keadilan kepada masyarakat yang mengutamakan golongan miskin di negeri-negeri yang miskin di tanahair kita ini.

Di dalam menyentuh berkenaan dengan usul itu, saya ingin menarik perhatian Majlis di dalam beberapa perkara iaitu

yang pertamanya berkenaan dengan keistimewaan yang diberikan kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti negeri saya Perlis dan negeri-negeri yang lain. Keadaan ini adalah merupakan satu langkah yang terpuji, satu langkah yang adil yang dapat mengimbangkan keadilan dan memberikan kesaksamaan kepada penduduk-penduduk di negeri-negeri yang kurang maju itu. Apa yang diharapkan daripada langkah ini bukan sahaja bantuan kewangan patut diberikan kepada negeri-negeri yang sedemikian itu tetapi adalah juga yang patut diberikan ialah berkenaan dengan kakitangan-kakitangan ataupun pegawai-pegawai yang berkecualan. Kalaulah wang dicurahkan ke Negeri Perlis sepertimana yang ada di dalam Rancangan Malaysia Ketiga \$156 juta akan dicurahkan ke Negeri Perlis kalau sekiranya negeri itu tidak mempunyai kakitangan yang cekap yang boleh mengendalikan rancangan-rancangan dengan memuaskan, maka sudah tentu rancangan-rancangan itu tidak akan dapat tercapai dengan baik-nya.

Begitu juga di dalam perkara ini, apa yang membimbangkan saya ialah kemajuan-kemajuan yang akan dibawa ke negeri yang kurang maju itu, saya bimbang kalaulah rancangan-rancangan itu tidak menguntungkan negeri itu, tidak menguntungkan rakyat, misalnya rancangan-rancangan yang tidak dapat diterima oleh rakyat yang melebihi kebenda rakyat di satu-satu negeri itu contohnya sepertimana yang berlaku di Pulau Pinang. Kalau sekiranya di luar-luar bandar membawa pembangunan-pembangunan yang semacam itu, saya rasa tentu akan merugikan bumiputra di dalam masalah ini kerana mereka tidak dapat hendak mengejar kemajuan-kemajuan yang dicapai itu. Oleh yang demikian, segala kemajuan-kemajuan itu hendaklah sesuai dengan kehendak-kehendak bumiputra ataupun kehendak-kehendak rakyat yang miskin sepertimana yang telah ditekankan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Satu perkara lagi yang menarik perhatian saya ialah berkenaan dengan keutamaan yang diberi kepada orang-orang miskin, rakyat yang miskin. Kalau kita sebutkan rakyat miskin tidak dapatlah kita hendak melarikan daripada menyentuh dua golongan rakyat yang nyata kemiskinan mereka iaitu yang pertamanya petani ataupun pesawah-pesawah. Khususnya kawasan yang

saya wakili yang 100% penduduknya terdiri daripada petani-petani. Saya tidak menafikan usaha-usaha Kerajaan yang telah dicurahkan ke kawasan itu sepertimana Rancangan Perairan Muda yang telah membawa kejayaan yang begitu cemerlang kepada petani-petani. Dan begitu juga kemudahan-kemudahan lain yang telah dicurahkan oleh Kerajaan untuk membangunkan petani-petani ataupun untuk memberikan kemudahan kepada petani-petani. Tetapi apa yang saya suka menarik perhatian Majlis yang mulia ini ialah berkenaan dengan kemewahan ataupun kemudahan-kemudahan yang telah diberikan oleh Kerajaan itu walaupun ada pada pendapat saya, sekarang ini tak sampai kepada petani-petani itu. Mereka dapat mengeluarkan hasil padi, mereka dapat membantu negeri ini untuk mengeluarkan makanan tetapi keuntungan yang dapat kepada mereka tidak ada. Sebab apa saya katakan begitu, saya bawa contoh padi yang diusahakan oleh petani-petani memakan masa tidak kurang daripada 4 bulan tetapi hasil ataupun keuntungan yang didapati oleh petani-petani itu lebih sedikit daripada satu golongan lain yang mengusahakan bagi mengeluarkan beras di dalam masa seminggu, orang yang bekerja seminggu itu boleh dapat keuntungan lebih daripada petani-petani yang bekerja selama 4 bulan. Ini adalah satu perkara yang tidak adil. Oleh itu, saya berharap kepada pihak Kerajaan di dalam masalah ini khususnya satu badan yang telah ditugaskan oleh Kerajaan bagi memikirkan berkenaan dengan padi dan beras ini iaitu L.P.N. supaya meletakkan satu strategi baru bagi membela petani-petani. Maksud saya sekarang ini petani-petani menghasilkan padi, dari padi itu untuk dikeluarkan beras bagi pengguna-pengguna beras.

Saya bersimpati dengan L.P.N. di dalam masalah ini kerana tugas L.P.N. ini adalah satu tugas yang berat, tugas L.P.N. ini lebih kurang sama dengan seorang laki-laki yang beristeri dua. Saya berkata begitu kerana petani itu sebagai isteri tua, dia mengeluarkan beras; orang-orang yang menggunakan beras sebagai isteri muda. Jadi hendak berikan keadilan di antara petani dengan pengguna beras, ini satu daripada perkara-perkara yang memang susah bagi L.P.N. Walau bagaimanapun, saya rasa dia boleh memberikan keadilan

dalam masaalah ini, kerana sekarang ini kalau kita tengok kepada kedudukan di antara padi dan beras ini beberapa golongan yang mendapat keuntungan dari padi dan beras, petani yang menanam padi selama 4 bulan selepas itu pelesen yang membeli padi; selepas itu pengilang, selepas pengilang—pengedar, pemborong, peruncit, baru sampai kepada pengguna beras. Tidakkah dapat L.P.N. meletakkan strateji baru bagi mengurangkan lapisan-lapisan ini dan meletakkan target supaya sebahagian daripada golongan ini diambil-alih oleh petani-petani sendiri. Petani sebagai mengeluarkan padi, petani sebagai pemborong, petani sebagai pengilang mengurangkan lapisan ini dan keuntungan itu baru dapat dikecap oleh petani-petani. Jalan memang ada, Kerajaan telah mengadakan Persatuan-persatuan Peladang maka gunakanlah Persatuan-persatuan Peladang ini dijadikan sebagai matlamat untuk mengambilalih lapisan-lapisan yang berkenaan itu supaya hasil daripada padi itu dapat dikecap oleh petani-petani lebih daripada yang dikecap oleh orang-orang lain. Yang anihnya petani-petani yang mengeluarkan hasil padi 4 bulan sepertimana saya katakan tadi dipermainkan, bukan sahaja petani-petani dipermainkan oleh golongan-golongan ini tetapi L.P.N. sendiri dipermainkan. Padi yang baik-baik diambil kepada kilang mereka tetapi padi yang buruk itu diberikan kepada L.P.N. Ini kenyataan telah berlaku. Kalau begitu masa sudah sampai bagi L.P.N. meletakkan strateji baru bagi mendapatkan keadilan sepertimana yang dikehendaki oleh Rancangan Malaysia Ketiga.

Bagi memberikan keadilan kepada petani-petani ataupun bagi menghapuskan kemiskinan petani-petani, saya rasa sudahlah sampai masanya bagi pihak yang berkenaan untuk mengadakan rancangan reformasi tanah. Banyak tanah-tanah di sebelah utara, terutamanya tanah bendang kepunyaan ceti-ceti, mereka ini mengambil untung di atas menyewakan tanah itu. Tidakkah boleh pihak-pihak yang berkenaan membuat sepertimana rancangan FELDA, membuat rancangan-rancangan penyusunan semula kepada petani-petani, membelikan tanah-tanah itu dan memberikan kepada petani-petani sepertimana diberikan oleh rancangan-rancangan FELDA seperti kelapa sawit dan sebagainya supaya dapat mereka menikmati betul-betul hidup seperti seorang

petani. Tetapi sekarang ini apa yang berlaku di sebelah utara, di negeri saya, petani-petani yang ada tanah satu relong, dua relong itu dia mengusahakan pertaniannya tidak dapat apa, sebaliknya orang-orang yang mempunyai tanah itu lebih mendapat keuntungan daripada petani-petani. Ini adalah sudah sampai masanya bagi Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga pada pendapat saya untuk mengadakan satu kampung contoh bagi petani-petani yang menanam padi. Sekarang ini kampung-kampung berselerak di merata-rata tempat di sana dengan tidak tersusun dan tidak teratur. Kalau sekiranya disusun dan diatur untuk dijadikan sebagai satu kampung contoh maka sudah tentu saya rasa akan dapat memberikan keadilan kepada petani.

Satu lagi perkara berhubung dengan petani-petani juga, saya harap pihak yang berkenaan hendaklah menambah Pegawai-pegawai Pertanian yang cekap, yang tahu betul-betul berkenaan dengan tanah, berkenaan dengan benih, berkenaan dengan baja yang sesuai dengan tanah-tanah itu. Sekarang ini tidak ada lagi pada pendapat saya pegawai-pegawai yang betul-betul menyiasat keseluruhan tanah. Kadang-kadang petani menggunakan baja yang tidak sesuai dengan tanah yang dia gunakan mengakibatkan tanaman-tanaman yang mereka tanam itu tidak mendatangkan hasil yang memuaskan. Kalau dapat diadakan pegawai-pegawai yang lebih yang dapat mengkaji betul-betul kedudukan tanah ini maka dikala itu barulah dapat tanah yang sedikit itu digunakan dengan baik dan dapat menggunakan baja-baja yang baik, dapat menggunakan benih-benih yang sesuai untuk mendapatkan keuntungan yang lebih. Perkara itu tidak akan dapat dilaksanakan melainkan dengan mengadakan pegawai-pegawai yang terlatih dan yang berkemahiran dalam masaalah ini.

Tadi saya katakan Rancangan Perairan Muda telah menghasilkan faedah yang banyak kepada petani tetapi saya harap di dalam Rancangan Perairan Muda ini hendaknya tidakkah dilengah-lengahkan lagi bagi disempurnakan keseluruhannya dengan segera. Sekarang ini masih ada lagi tanah-tanah yang belum mendapat air, masih ada lagi tanah-tanah yang terlampau banyak mendapat air kerana tidak sempurnanya Rancangan Perairan Muda itu dan yang belum lagi selesai dilaksanakan. Kalau

begitu, di dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini patutlah segala rancangan-rancangan itu dapat disempurnakan dengan sempurna supaya petani-petani tidak lagi mengeluh akan kekurangan air pada hal di sekeliling tempat mereka mempunyai air dan kadang-kadang pula mengeluh kerana banyak air, pada hal air itu tidak dapat dibuang dan merosakkan tanaman-tanaman mereka.

Satu perkara lagi saya harapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini supaya memberikan keadilan kepada petani-petani yang ada di kawasan Perairan Muda iaitu tanah-tanah yang dalam yang tidak dapat ditanam padi dua kali setahun dan kadang-kadang sekalipun tidak dapat, maka saya harap tanah-tanah yang sedemikian itu dijadikan sebagai satu kawasan pertanian juga iaitu dengan mengadakan pemeliharaan ikan air tawar dan saya harap di dalam perkara ini di negeri Perlis hendaklah diadakan satu tempat contoh pemeliharaan ikan yang lengkap dan yang boleh menarik minat penduduk-penduduk di sana supaya mengusahakan pertanian ini.

Selain daripada itu, saya berpindah pula kepada nelayan kerana saya katakan tadi nelayan adalah juga golongan-golongan yang miskin. Setakat sekarang ini pada pendapat saya golongan rakyat yang kurang sekali mendapat nikmat kemerdekaan adalah nelayan-nelayan. Kalau golongan-golongan lain telah mendapat nikmat yang begitu banyak tetapi nelayan-nelayan hingga hari ini belum mendapat nikmat yang begitu memuaskan dan nelayan-nelayan yang kurang sekali mendapat nikmat kemerdekaan dan pembangunan setelah kita melalui dua pembangunan iaitu Rancangan Malaysia Pertama dan Rancangan Malaysia Kedua dan sekarang ini kita menghadapi pula pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketiga nelayan-nelayan sangat menderita. Penderitaan yang selalu mereka sebut-sebut di tempat saya ialah mereka selalu datang menemui saya dan selalu menjeritkan kepahitan hidup mereka dan saya percaya bukan sahaja di negeri Perlis, tetapi di tempat-tempat lain pun begitu juga iaitu berkenaan dengan pertelingkahan di antara nelayan-nelayan pantai dengan nelayan-nelayan yang besar-besar. Ada di setengah-setengah tempat hampir-hampir berlaku pergaduhan di antara dua golongan ini, tetapi yang anih di tempat saya pergaduhan

yang berlaku itu adalah dimainkan oleh satu golongan yang lain yang mencari kepentingan diri mereka. Mereka menjadikan nelayan alat dengan bergaduh dan mereka mendapat keuntungan. Segala usaha-usaha nelayan di tepi-tepi pantai itu dimusnahkan dan kemusnahan itu menyebabkan berlakunya pergaduhan dan mereka ini melakukan dua kali haram. Satu, usaha yang mereka lakukan itu adalah usaha haram kerana pukut dan bot-bot yang mereka gunakan itu bukan ada lesen dan bukan ada kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan dan yang kedua, mereka melakukan pula pencerobohan terhadap pukut-pukut dan alat-alat kelengkapan nelayan-nelayan kecil di tepi pantai dengan tidak berasa tanggungjawab dan insaf kepada nelayan-nelayan kecil ini. Ini ialah satu perkara yang sentiasa berlaku dan sekarang ini sedang berlaku di negeri Perlis dengan bermaharajalela. Pada waktu malam hari mereka datang besok habis segala pukut-pukut yang dipasang oleh nelayan-nelayan kecil di pantai yang membawa kerugian kepada nelayan-nelayan kecil, tetapi satu tindakan pun belum lagi dapat saya kesan yang telah dilakukan atau diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam perkara ini. Oleh yang demikian, saya harap di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini hendaklah ditumpukan perhatian bagi mengatasi betul-betul masalah yang telah lama berlaku dan bukan sahaja baru berlaku di dalam perkara ini.

Selain daripada itu, suka juga saya menyentuh perkara-perkara lain iaitu di dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Malaysia Kedua pembangunan banyak dititikberatkan kepada kemudahan-kemudahan asas bagi rakyat jelata tetapi masih banyak lagi kemudahan-kemudahan asas itu yang belum dinikmati oleh setengah-setengah penduduk terutama sekali penduduk-penduduk di luar bandar. Yang saya tekankan di sini ialah berkenaan dengan jalanraya. Di negeri saya khasnya di dalam kawasan saya sangat-sangat berkehendakkan kepada jalan-jalanraya kecil kelas C untuk mengeluarkan hasil-hasil padi. Sekarang ini tidak ada jalan-jalanraya yang sesuai untuk mengeluarkan hasil-hasil padi. Apa yang ada pun batas-batas (bund) yang ditambun ataupun dibina oleh Rancangan Perairan Muda dan batas-batas itu bila musim hujan ataupun musim padi yang pertama sangat susah

hendak digunakan oleh petani-petani bagi mengeluarkan hasil mereka. Kalau begitu tidaklah boleh di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini batas-batas (bund) yang telah dibina oleh Perairan Muda itu diperelokkan dan dijadikan betul-betul jalan yang boleh digunakan oleh petani-petani di dalam mengeluarkan hasil-hasil pertanian mereka.

Saya tidak akan menyentuh di dalam perkara-perkara yang lain kerana pernah saya sentuh di dalam Dewan ini iaitu berkenaan dengan air dan saya harap perkara ini akan dapat dilaksanakan oleh Kerajaan, tidak melangkah tarikh yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga iaitu pada akhir tahun 1980 nanti dan kalau sekiranya perkara-perkara ini dapat dilaksanakan, maka saya percaya sudah tentu dapat memberikan keadilan dan dapat mengurangkan kemiskinan-kemiskinan yang dihadapi oleh rakyat-rakyat miskin, khususnya petani-petani dan nelayan-nelayan di pantai.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Persidangan dtempohkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 7.07 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.30 malam.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua) *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap meneruskan perbincangan dalam usul ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun usul yang telah diputuskan petang tadi mengenai masa Persidangan mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun usul yang telah diputuskan petang tadi mengenai masa Persidangan mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Kepong bersetuju menangguhkan Ucapan Penangguhannya pada satu tarikh yang lain dalam masa persidangan ini juga, maka tidak adalah Ucapan Penangguhan hari ini.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Selasa, 20hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.34 malam.